

Jilid II  
Bil. 19



MALAYSIA

Hari Jumaat  
6hb April, 1984

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2757]

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan)**  
[Ruangan 2805]

**Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan)** [Ruangan 2813]

**Rang Undang-undang Perlesenan Tenaga Atom** [Ruangan 2876]

### **USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat** [Ruangan 2863]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,  
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri,  
DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M.,  
A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH  
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,  
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,  
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,  
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S.,  
J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN, S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAM BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

Yang Berhormat TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).

- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K.  
(Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K.  
(Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Jumaat, 6hb April, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

*(Tuan Yang Dipertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang  
Berhormat Dr Chen Man Hin.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-  
Pertua, soalan pertama.

*(Soalan No. 1 Y.B. Dr Chen Man Hin  
tidak hadir).*

## PEJABAT IMIGERESEN PONTIAN

**2. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang pekan Kukup, Pontian yang telah mempunyai Pejabat Imigeresen sejak 1hb November 1983, dijadikan "pintu masuk" dan juga "pintu keluar" bagi orang-orang yang hendak masuk ke Semenanjung Malaysia atau hendak keluar dari Semenanjung Malaysia.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengkaji dengan rapi dan bersetuju menjadikan pekan Kukup, Pontian sebagai "pintu masuk" dan "tempat mendarat", dengan izin, "landing

place" berasaskan kepentingan kawalan Imigeresen di pekan ini, di samping memenuhi hasrat Kerajaan untuk memberi kemudahan khidmat Imigeresen kepada penduduk setempat khususnya. Selaras dengan hasrat ini, pekan Kukup, Pontian telah diwartakan sebagai pintu masuk dan tempat pendaratan pada 8hb September, 1983.

HARGA BARANG-BARANG—  
KENAIKAN

**3. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga barang-barang keperluan harian akhir-akhir ini telah naik. Jika beliau sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan akan beliau ambil bagi mengatasi kenaikan harga barang-barang tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo. Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberikan di Dewan yang mulia ini semasa saya menjawab soalan yang hampir sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 19hb Mac, 1984. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang  
Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan  
Mohamad.

*(Soalan No. 4 Y.B. Wan Mohd.  
Najib bin Wan Mohamad tidak hadir).*

## KAPAL TERBANG PEJUANG— PEMBELIAN

**5. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan selain daripada kapal terbang pejuang buatan Amerika Syarikat yang kita miliki, adakah Kerajaan akan juga membeli kapal terbang buatan Jepun yang setaraf dengan buatan Amerika, sempena dengan Dasar Pandang ke Timur kita.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembelian kelengkapan pertahanan dari Negara Jepun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa perlembagaan negara itu tidak membolehkan ianya menjual kelengkapan tentera kepada negara asing. Soalan ini adalah tidak timbul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

*(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Quah Wee Liam. Hari ini pun nampaknya kita boleh habis. *(Ketawa)*

*(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Quah Wee Liam tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

*(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Seow Hun Khim tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Kuai.

*(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Leonard Linggi anak Jugah.

*(Soalan No. 10 Y.B. Datuk Leonard Linggi anak Jugah tidak hadir).*

## CUKAI PENDAPATAN— KADAR TANGGUNGAN

**11. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah satu kajian semula akan dibuat untuk meringankan tanggungan kepada pembayar-pembayar cukai terutamanya rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana dengan menambah kadar potongan tanggungan kepada anak-anak, isteri dan tanggungan sendiri, oleh kerana kadar ini telah didasarkan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, bilamana nilai wang dan taraf kehidupan jauh berbeza dengan masa sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, soal yang sama telah saya jawab pada 4hb. April, 1984 yang lalu. Walau bagaimanapun, biarlah saya menyatakan sedikit di sini bahawa Kementerian Kewangan sedang mengkaji struktur Cukai Pendapatan di negeri ini. Dalam kajian ini semua aspek Cukai Pendapatan persendirian akan diambil kira agar agihan beban cukai akan lebih adil dan tidak membebankan golongan-golongan tertentu sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya kali terakhir Cukai Pendapatan persendirian ini dipinda di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 ialah dalam tahun 1980 di mana di antara lain langkah-langkah berikut telah diambil:

Pertama, pelepasan orang perseorangan dinaikkan daripada \$3,000 kepada \$5,000.

Kedua, pelepasan kepada isteri dinaikkan dari \$1,000 kepada \$2,000.

Ketiga, elaun untuk anak-anak yang belajar di luar negeri dinaikkan dari dua kali ganda kepada 4 kali ganda, dan

Keempat, kadar cukai bagi pendapatan kena cukai dinaikkan \$50,000 hingga \$75,000 dikurangkan dari 50% kepada 45%. Di antara \$75,000 hingga \$100,000 dikurangkan dari 55% kepada 50% dan melebihi \$100,000 hanya dikenakan cukai sebanyak 55% sahaja.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyentuh tentang meringankan beban cukai ini, apakah Kerajaan bercadang untuk menambah kadar potongan tanggungan kepada anak-anak dan memotong juga bagi anak-anak yang keenam, ketujuh dan kelapan sehingga seterusnya sebagai suatu galakan bagi ibu-ibu kita memperbanyakkan anak mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan itu pun sudah ditanyakan dahulu.....

**Dato Sabbaruddin Chik:** .....pun telah dijawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, telah pun dijawab. Yang Berhormat Tuan Hassan Alban.

*(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Sandukong tidak hadir).*

## STESEN BOMBA DI DAERAH JULAU—PEMBINAAN

13. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau ada rancangan atau cadangan untuk membina stesen Bomba di Daerah Julau dan jika ya, bila.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya setakat ini belum mempunyai rancangan untuk membina balai bomba di Daerah Julau. Jabatan Bomba hanya berjaya mendapatkan kelulusan pembinaan Balai Bomba Bintulu di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi negeri Sarawak. Ini mungkin disebabkan oleh penyatuan perkhidmatan-perkhidmatan bomba di Sarawak telah berlaku selepas peruntukan bagi Rancangan Malaysia Keempat diluluskan.

Walau bagaimanapun, pembinaan balai-balai bomba adalah berdasarkan beberapa faktor seperti:

- (1) nilai hartabenda yang hendak dilindungi di satu-satu daerah atau kawasan itu;
- (2) keadaan bangunan-bangunan dan rumah-rumah yang sesak seperti pusat perdagangan, industri-industri dan lain-lain potensi ekonomi;
- (3) bilangan penduduk-penduduk yang tinggal berkelompok di satu-satu bandar atau kawasan yang sempit dan sesak;
- (4) jauhnya tempat itu daripada balai bomba yang berhampiran iaitu sebaik-baiknya yang kereta bomba hendaklah sampai 10 minit selepas panggilan diterima;
- (5) keadaan jalanraya yang buruk, sesak dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Jabatan Bomba sedang membuat satu kajian untuk mengenalpasti tapak-tapak bagi balai-balai bomba di peringkat daerah di negeri Sarawak, bagi pembinaan balai bomba pada masa-masa yang akan datang. Untuk sementara waktu sebelum balai bomba dan kereta bomba dapat diadakan adalah digalakkan semoga pekan-pekan kecil seperti yang

terdapat di Daerah Julau ini mempunyai pasukan bomba gotong royongnya sendiri sebagaimana yang banyak terdapat di Semenanjung Malaysia segala latihan boleh diberi oleh Bomba Sibul atau Binatang.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa di pekan Rantau Panjang adalah merupakan satu pekan yang sering berlaku kebakaran dan menurut ciri-ciri yang diberi oleh Yang Berhormat yang berkenaan bahawa tempat-tempat yang patut diadakan balai bomba itu ialah seperti tempat-tempat yang sesak, bilangan penduduk yang tinggal berdekatan, jauh daripada balai bomba dan sebagainya.

Menurut ciri-ciri ini pekan Rantau Panjang adalah amat munasabah didirikan balai bomba tetapi setiap kali berlaku kebakaran pertolongan terpaksa 12 batu datang daripada Pasir Mas atau datang daripada Sungai Golok. Jadi, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mendirikan balai bomba di Rantau Panjang.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang seperti dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat balai bomba yang letaknya terhampir dari pekan Rantau Panjang adalah sejauh 12 batu dan kita harap kereta bomba dari balai bomba yang berhampiran dapat membantu apabila satu-satu kebakaran berlaku. Walaupun saya telah terangkan faktor-faktor yang kita mengambil kira sebelum membina balai bomba-balai bomba. Saya suka juga menerangkan bahawa apabila kita dapati faktor-faktor ini atau kita fikir satu-satu tempat telah layak untuk mendapat satu balai bomba kemudian itu terpulanglah kepada kemampuan kewangan Kerajaan untuk membina balai bomba.

## BANJIR—SEBAB KEJADIAN

**14. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Pertanian menyatakan mengapa akhir-akhir ini selalu sahaja bah (banjir) di sana-sini, adakah kerana sungai-sungai sebu ataupun hutan-hutan diteroka, atau perparitan tiada sempurna ataupun oleh kerana kehendak alam. Jika tahu sebab mungkin boleh diatasi sekadarnya.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan faktor-faktor yang boleh memburukkan keadaan banjir. Sebagaimana yang telah saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini semasa menjawab pertanyaan mulut daripada Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi pada 20-3-84 baru-baru ini kebanyakan bandar-bandar, kampung-kampung dan kawasan-kawasan pertanian di negara kita telah dibangunkan di kawasan-kawasan pantai dan di kawasan-kawasan lembah berdekatan dengan sungai-sungai sejak zaman dahulu lagi. Kawasan-kawasan tersebut mudah dilanda banjir dari masa ke semasa. Berdasarkan hasil kajian-kajian kita mengenai masalah banjir yang telah dijalankan setakat ini langkah-langkah yang boleh diikhtirakan termasuk pembinaan ampungan serbaguna, memperbaiki sungai-sungai di tempat-tempat yang tertentu, membina projek-projek parit di kawasan-kawasan pertanian, membina benteng sekeliling dan memperbaiki sistem-sistem pamaritan di kawasan-kawasan bandar.

Bagi mengurangkan masalah banjir akibat penerokaan hutan secara besar-besaran langkah-langkah seperti membina teras di kawasan bukit, menanam kacang penutup bumi, mengadakan rezab sungai dan sebagainya boleh diikhtirakan.

Di kawasan-kawasan di mana langkah-langkah kejuruteraan tidak dapat mengurangkan banjir dengan berkesan maka penduduk-penduduk yang terlibat perlu dipindahkan di kawasan-kawasan yang selamat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa hasil kajian yang telah dijalankan salah satu daripadanya ialah membersihkan sungai-sungai. Dalam tahun 1981 telah pun dikemukakan oleh pihak Kerajaan bagi semua daerah menyediakan nama-nama sungai di mana kualanya akan didalman bagi mengelakkan daripada berlakunya banjir.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah telah terjadi dengan projek-projek yang telah pun dihantar ke Kementerian oleh Pegawai-pegawai Daerah melalui Pegawai Kemajuan Negeri dalam tahun 1981 kerana kita dapati sekarang ini banjir semakin hebat berlaku di negara kita.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai rancangan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam tahun 1981 kebanyakan tempat sudah kita perbaiki tetapi oleh kerana kita mengalami kemerosotan ekonomi terpaksa Kerajaan memberi prioriti di mana tempat yang dianggap prioriti di situ dahulu dilaksanakan.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Soalan tambahan. Menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerajaan tidak berkeupayaan untuk melaksanakan segala strategi-strategi untuk mengurangkan banjir oleh kerana kemerosotan ekonomi. Adakah Kerajaan telah membuat kajian berapa

banyakkan kerugian yang telah ditanggung oleh petani-petani disebabkan oleh banjir yang melanda pada setiap tahun jika dibandingkan dengan jumlah yang boleh dibelanjakan oleh Kerajaan untuk menguasai keadaan banjir ini kerana kerugian ini ialah tiap-tiap tahun dan kemungkinan jika dibandingkan perbelanjaan ini adalah lebih daripada perbelanjaan yang boleh memperbaiki keadaan.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis supaya memberi angka-angka yang tepat terhadap soalan Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi walau bagaimanapun, pihak Kementerian sedar bahawa kerugian yang dialami oleh pihak para petani adalah besar tetapi walau bagaimanapun, pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk mencari jalan bagaimana menolong serta memperbaiki tempat-tempat yang sentiasa dilanda banjir.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Cuma saya ingin tahu adakah sebuah jawatankuasa khas di peringkat kebangsaan yang mengkaji dan juga memerhati di atas selok-belok hal banjir yang besar ini supaya dengan adanya jawatankuasa itu boleh sentiasa memerhati dan juga mengkaji, tidaklah seperti jawatankuasa banjir yang biasa diadakan oleh daerah-daerah ini.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, selama ini pihak Kerajaan sudah menubuhkan Jawatankuasa sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu di State level, dengan izin, tetapi sesudah kita mengalami banjir dalam tahun ini iaitu dua bulan lalu, pihak Kementerian sudah membuat arahan kepada tiap-tiap negeri supaya membuat laporan yang tepat untuk pengetahuan Kerajaan supaya pihak Kerajaan dapat meneliti keadaan dengan lebih mendalam lagi.

## PENUNGGU PERKHIDMATAN TELEFON—JUMLAH

**15. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan telefon yang masih berada dalam senarai menunggu di:
- (a) Semenanjung Malaysia;
  - (b) Sabah; dan
  - (c) Sarawak;
- (b) berapakah projek-projek yang telah dilaksanakan di bawah sistem "Turnkey" dengan menyebut harga minyak setiap projek tersebut dan berapakah peratus penyertaan modal oleh rakyat Malaysia di antara pemborong-pemborong Turnkey itu; dan
- (c) sama ada Kementeriannya bercadang menjalankan kursus BUDI BAHASA (COURTESY) selalu untuk semua telefonis tempatan dan antarabangsa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penunggu-penunggu perkhidmatan telefon sehingga 1hb Mac tahun ini adalah seperti berikut:

- (1) Bagi Semenanjung Malaysia—  
168,857 orang.
- (2) Bagi Negeri Sabah—  
25,939 orang.
- (3) Bagi Negeri Sarawak—  
6,884 orang.

Bagi menjawab soalan yang kedua, sehingga tahun 1983 sebanyak tiga projek telah dilaksanakan di bawah

sistem "Turnkey". Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Projek membina 23 buah bangunan ibusawat telefon di seluruh Semenanjung yang bernilai \$83.5 juta. Ianya dikendalikan oleh 10 buah syarikat pemborong tempatan.
- (b) Projek membekal dan memasang 1.76 juta talian rangkaian tempatan (local network) ke seluruh negara. Projek bernilai \$2.5 ribu juta ini diberikan kepada 4 kontraktor tempatan.
- (c) Projek membekal dan memasang peralatan ibusawat (Switch Gear) bagi 2.67 juta talian telefon di seluruh negara. Projek ini bernilai sebanyak \$1.8 ribu juta dan telah diberi kepada dua syarikat usahasama iaitu Syarikat PERNAS—NEC Telecommunication Sdn Bhd, sebuah syarikat usahasama di antara PERNAS dan Syarikat NEC dari Jepun dan Syarikat Perwira Erickson Sdn Bhd, sebuah syarikat usahasama antara Tabung Perwira dan Syarikat Erickson dari Sweden.

Bagi menjawab soalan yang ketiga, untuk Ahli Yang Berhormat Jabatan Telekom sentiasa mengadakan kursus ulangkaji kepada Penyelia dan Telefonis sama ada tempatan mahupun antarabangsa di mana ditekankan supaya berbudi bahasa sewaktu menjalankan tugas. Ini penting memandangkan mereka sentiasa berhadapan dengan orang ramai. Ianya juga bersesuaian dengan motto bekerja telefonis sebagai "cekap, cepat dan bersopan." Bagi menentukan prinsip ini yang mahukan dengan jayanya setiap operator akan diberi kursus asas pengendalian selama 5 minggu di Pusat Latihan Telekom sebelum ditempatkan di sesuatu ibusawat.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa jumlah mereka yang sedang menunggu lebih kurang 181,678 orang. Jadi memandangkan jumlah yang begitu ramai tentulah ada yang lama dan ada yang baru. Saya ingin bertanya apakah garis-garis panduan yang dibuat oleh Kementerian ini di dalam menyelesaikan masalah permintaan daripada orang ramai untuk mendapat bekalan telefon, sama ada mereka yang dahulu, didahulukan ataupun memandang kepada suasana kemudahan dari segi teknikal dan sebagainya?

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli Yang Berhormat sendiri pun telah menjawab soalnya sendiri iaitu bagi mereka yang telah memohon dahulu didahulukan pada biasanya, tetapi kadangkala ada talian-talian disimpan untuk pihak-pihak tertentu misalnya Wakil-wakil Rakyat, mereka akan diberi keutamaan daripada orang-orang yang lain.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada kursus-kursus budi bahasa dijalankan oleh Kementerian ini tetapi terdapat juga perangi telefonis-telefonis ini kasar, sombong, bongkak dan ada terdapat mendiamkan telefon langsung tidak menjawab. Apakah patut dibuat oleh pelanggan terhadap telefonis sedemikian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang patut dibuat?

**Tuan Au How Cheong:** Apa pelanggan hendak buat? (*Ketawa*). Ini sukar bagi saya hendak menjawab, melainkan kita minta pihak-pihak tertentu untuk melaporkan kejadian-kejadian itu kepada pihak Telekom dan pihak telekom akan mengambil tindakan yang sewajar untuk menyiasat perkara itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat lebih kurang

3,000 telefonis dan adalah sukar memberi jaminan bahawa tiap-tiap orang di tiap-tiap saat akan menjalankan tugas mereka dengan satu taraf yang sama.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Oleh kerana terlampau ramai yang masih belum dapat telefon seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, jadi saya ingin tahu, adakah langkah penswastaaan sebagai satu jalan untuk mempercepatkan ataupun mempercekapkan lagi perkhidmatan Telekom? Setakat ini berapa bahagiankah Kementerian telah mengswastakan bahagian-bahagian di Jabatan Telekom dan berapa bahagiankah lagi yang belum diswastakan dan bahagian-bahagian yang manakah yang akan diberi keutamaan di dalam penswastaaan? Seterusnya seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi siapa dahulu dialah yang akan dibekalkan dengan telefon tetapi adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan perusahaan untuk mengambil kira penyertaan Bumiputera di dalam bidang perusahaan, kalau yang kemungkin pun boleh didahulukan asalkan dia Bumiputera untuk mengaitkan dengan Dasar Ekonomi Baru?

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri saya baru-baru ini bahawa Telekom akan dijalankan sebagai sebuah syarikat. Jika tidak ada apa-apa masalah tentu ini dapat dijalankan pada tahun 1985 juga. Memang Telekom sentiasa sedar bahawa terdapat begitu ramai penunggu dan oleh itu pihak Telekom pun telah mengangap bahawa satu kemudahan yang begitu penting ini tidak dapat dijalankan melalui sebuah badan Kerajaan ataupun melalui bureaucracy ataupun conventional method. Oleh itu, Kerajaan telah pun mencadangkan supaya perkhidmatan Telekom ini dijalankan oleh sebuah

syarikat supaya ianya boleh menjalankan secara perniagaan (commercial).

Mengenai sama ada perkhidmatan ini dapat diberi kepada pihak bumiputera khususnya untuk membantu mereka dalam perniagaan, memang ini boleh dipertimbangkan juga. Tetapi ini bergantung atas sama ada terdapat talian-talian yang mencukupi bagi kawasan-kawasan tersebut.

### BIASISWA KEPADA PELAJAR BUMIPUTERA SARAWAK

**16. Tuan Justine Anak Jinggut** minta Menteri Pelajaran menyatakan dari tahun 1982 hingga setakat ini berapakah jumlah bumiputera dari Sarawak yang telah diberi biasiswa untuk belajar keluar negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan dengan memberi angka-angka daripada bahagian-bahagian di Sarawak.

**Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, mulai 1982-1983 Kerajaan Persekutuan telah memilih dan menghantar seramai 113 orang pelajar-pelajar bumiputera Sarawak untuk menuntun di luar negeri di peringkat ijazah dalam berbagai bidang teknikal dan sains sosial. Pecahan bilangan pelajar-pelajar bumiputera Sarawak yang ditaja oleh agensi-agensi Kerajaan Pusat ke luar negeri mengikut bahagian-bahagian di Sarawak adalah seperti berikut:

Bahagian Pertama .. ..	65
Bahagian Kedua .. ..	22
Bahagian Ketiga .. ..	13
Bahagian Keempat .. ..	5
Bahagian Kelima .. ..	6
Bahagian Keenam .. ..	2
Bahagian Ketujuh .. ..	0
Jumlah .. ..	113

### SKIM PAMPASAN INSURANS

**17. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan akan memperkenalkan satu skim pampasan insuran dan menubuhkan kumpulan wang sosioekonomi untuk meliputi pekerja-pekerja lombong dan ladang seperti skim pampasan dan kumpulan wang sosioekonomi yang ditubuhkan untuk pekebun-pekebun kecil; jika ya, beri butir-butir lanjut, jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja lombong dan ladang adalah termasuk di bawah takrif pekerja dan oleh itu mereka menikmati segala faedah dan perlindungan di bawah Akta Pampasan Pekerja, 1952; Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969; dan Akta Pekerja 1955 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian saya. Selain dari itu mereka juga diliputi oleh Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 yang dikelolakan oleh Kementerian Kewangan. Memandangkan kepada itu, Kementerian saya tidak bercadang memperkenalkan satu lagi skim pampasan insuran atau menubuhkan kumpulan wang sosioekonomi untuk pekerja-pekerja lombong dan ladang.

Pekebun-pekebun kecil dan pengusaha-pengusahanya pula ada bekerja secara bersendirian dan bebas dan mereka tidak mempunyai hubungan majikan bekerja ataupun sebarang kontrak perkhidmatan (contract of service) dengan sesiapa. Oleh yang demikian, mereka itu tidak termasuk di bawah perlindungan Akta-akta yang telah saya sebutkan tadi. Pada konsepnya skim pampasan kecederaan pekebun kecil yang dilancarkan oleh Kerajaan baru-baru ini adalah bertujuan memberi faedah-faedah dan perlindungan yang hampir sama dengan yang terdapat di bawah Akta Pampasan Pekerja dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja. Sekim ini diwujudkan khas untuk pekebun-pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA.

**PRESIDEN  
KERAJAAN CAMPURAN  
DEMOKRATIK KAMPUCHEA**

**18. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Presiden Demokratik Kampuchea, Putera Norodom Sihanouk ke Malaysia serta apakah perkembangan terbaru Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea dan juga Vietnam, di rantau ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, lawatan Presiden Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea, Putera Norodom Sihanouk ke Malaysia telah memberi kita banyak faedah dalam usaha mencari suatu penyelesaian politik kepada soal tersebut dan lawatan tersebut kita telah dapat meninjau pemikiran terbaru Putera Sihanouk dan bertukar-tukar pandangan mengenai masalah tersebut. Kita juga telah dapat mengetahui dengan lebih jelas lagi maklumat-maklumat terbaru mengenai Kampuchea dari beliau. Di antara lain Putera Sihanouk telah menyatakan bahawa gerakan tentera puak-puak dalam Kerajaan Campuran Kampuchea—CGDK—menentang pendudukan tentera Vietnam di Kampuchea telah bertambah hebat dan berkesan berikutan dengan penubuhan Jawatankuasa Tentera Bersama ketiga-tiga puak tersebut. Tentera-tentera puak-puak Kerajaan Campuran Kampuchea ini juga telah mendapat sokongan yang kian meningkat dari penduduk-penduduk Kampuchea dan juga dari askar-askar rejim Heng Samrin yang telah lari dan berpaling tadah.

Perpaduan yang semakin baik di kalangan ketiga-tiga puak dalam CGDK ini lebih terbukti seperti penubuhan Pejabat-pejabat Penerangan bersama di luar negeri dan lawatan ketiga-tiga pemimpin CGDK bersama ke negeri China pada bulan Disember 1983.

Dalam hubungan ini tindakan tentera Vietnam mencero bohi negara Thailand baru-baru ini telah membantutkan usaha-usaha untuk mencari penyelesaian soal Kampuchea ini secara aman dan damai. Perbuatan tentera Vietnam ini adalah juga tidak sejajar dengan kononnya hasrat Vietnam sendiri untuk mencari penyelesaian tersebut seperti apa yang telah dinyatakan oleh Menteri Luarnya baru-baru ini di Jakarta dan Canberra.

Kerajaan Malaysia mengutuk tindakan tentera Vietnam itu dan menyeru Vietnam supaya bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa untuk mencari penyelesaian politik terhadap Kampuchea bagi kepentingan keamanan dan kestabilan di Rantau Asia Tenggara. Walaupun trajidi pencero bohan ini telah berlaku, anggota ASEAN masing-masing tetap akan terus berbincang dengan negara-negara yang berkaitan dan negara-negara yang mengambil berat di atas soal Kampuchea untuk mencari pemikiran-pemikiran baru bagi pengunduran sepenuhnya tentera Vietnam supaya rakyat Kampuchea dapat dikembalikan hak dan kedaulatan mereka.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah semasa lawatan Putera Norodom Sihanouk ke negara kita beliau ada menerangkan terdapatnya perselisihan orang-orang kanan Putera itu sendiri dan sejauh manakah perselisihan ini menjejaskan Kerajaan Campuran yang ada sekarang. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan ataupun menjelaskan kepada Dewan ini sejauh mana perselisihan ini menggugat Kerajaan Campuran Putera Norodom sendiri.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu semua puak-puak yang menjadi anggota dalam Kerajaan Campuran ini pada satu ketika

dahulu adalah musuh-musuh ketat. Oleh sebab itu kalaulah kita hendak ikhtiar untuk mewujudkan perpaduan di kalangan mereka dengan seerat-eratnya sudah tentu akan memakan masa. Perselisihan memang tetap ada tetapi apa yang kita gembira adalah perselisihan ini semakin lama semakin dapat dikurangkan dan pada masa ini Kerajaan Campuran ini nampaknya berjalan dengan lebih licin dan lebih berkesan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

*(Soalan No. 19 Y.B. Tuan Fung Ket Wing tidak hadir)*

#### **PENERANGAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR**

**20. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah berkesan yang telah dan yang akan diambil oleh Kerajaan dalam memberi penerangan yang sepenuhnya kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri supaya mereka tidak dikelirukan oleh sebaran am barat mengenai dasar Kerajaan Malaysia.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Setapak pada 4-4-84. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

#### **DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN**

**21. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada oleh sebab Polisi Kebudayaan Kebangsaan telah mendapat sokongan penuh dari semua

Menteri-menteri Kabinet yang menyebabkan beliau menyatakan di Kota Bharu baru-baru ini bahawa segala kritik-kritik terhadap polisi tersebut tidak akan dilayani.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mustaffa bin Mohammad):** Tuan Yang di-Pertua, Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang ada itu adalah dasar Kerajaan dan telah diterima. Sebarang kritik membina yang bertujuan untuk mengemas, memperbaiki dan mempercepatkan lagi usaha-usaha mengisi pelaksanaan dasar tersebut adalah sentiasa digalakkan kerana ia pasti akan dapat membantu Kerajaan dalam mencapai matlamat pembinaan Kebudayaan Kebangsaan kini. Oleh itu kenyataan yang menyatakan bahawa Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak akan melayani sebarang kritik terhadap Dasar kebudayaan Kebangsaan itu adalah tidak benar dan mungkin disalah petik oleh pihak-pihak berkenaan. Apa yang dimaksudkan oleh Menteri dalam kenyataannya di Kota Bharu baru-baru ini ialah bahawa Kerajaan tidak dapat menerima sebarang cadangan yang bertujuan untuk menggubal semula atau mengubah segala prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah ada itu.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan. Menteri Kebudayaan telah mengumumkan kebudayaan lain bangsa yang sesuai boleh dijalankan sebagai Kebudayaan Kebangsaan. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberi tahu berapa jenis kebudayaan lain bangsa telah dijadikan sebagai kebudayaan kebangsaan setakat ini, dan adakah wujudnya satu Jawatankuasa untuk mengenalkan kebudayaan lain bangsa yang boleh dijadikan Kebudayaan Kebangsaan.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta ulang soalan itu lagi.

**Tuan Chan Kok Kit:** Menteri Kebudayaan telah mengumumkan kebudayaan lain bangsa yang sesuai boleh dijadikan sebagai Kebudayaan Kebangsaan. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberi tahu berapa jenis kebudayaan lain bangsa telah dijadikan sebagai Kebudayaan Kebangsaan setakat ini, dan adakah wujudnya satu Jawatankuasa untuk mengenalkan kebudayaan lain bangsa yang boleh dijadikan Kebudayaan Kebangsaan.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui bahawa kebudayaan ini adalah satu perkara yang dinamis sifatnya. Soal penerimaan kebudayaan-kebudayaan lain dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan telah wujud begitu lama sejak sejarah negara kita bermula.

Soal apa yang dimaksudkan mengenai apakah perlu satu jawatankuasa dibentuk bagi memasukkan kebudayaan asing—begitu? Kalau tidak salah saya, dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu, saya rasa tidak perlu kerana sebagaimana yang saya katakan tadi, ia seharusnya mengambil sifat semula jadi. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat kata tadi bahawa Dasar Kebudayaan Nasional ialah satu dasar Kerajaan, adakah benar yang telah didakwa oleh tokoh-tokoh dalam parti-parti komponen Barisan Nasional bahawa Dasar Kebudayaan Nasional tidak pernah dibincang dan diluluskan dengan rasminya oleh Jemaah Menteri. Dan kalau tidak benar, bolehkah kita tahu bila, apa tarikhnya Jemaah Menteri ada dengan rasminya meluluskan Dasar Kebudayaan Nasional.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka itu menyatakan bahawa dasar ini tidak

pernah diterima oleh Jemaah Menteri, saya anggap pertanyaan itu sebagai satu dakwaan, bagaimanakah yang beliau dapat mengetahui bahawa dasar ini tidak pernah atau tidak diluluskan oleh Jemaah Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan soal jawab dalam perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tanya, bukan dia yang tanya.....

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Terima kasih.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau saya jadi Menteri, saya boleh jawab.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Sebagaimana saya telah menyatakan dalam jawapan soal saya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini adalah dasar Kerajaan dan oleh itu semestinya ia telah diterima oleh Jemaah Menteri.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, soalan kebudayaan ialah satu soalan mengenai national identity dan mungkin semua persoalan yang ada mengenai national identity itu mungkin dan mesti dibuka untuk perbincangan oleh rakyat keseluruhannya. Dan soalan saya, mengapa Menteri Kebudayaan enggan membukakan persoalan itu kepada perbincangan oleh semua rakyat jikalau Kerajaan jujur untuk membina satu pentadbiran yang terbuka dan liberal.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita menafikan bahawa pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak pernah memberi peluang atau menutup pintu bagi orang-orang ramai untuk membincangkan soal kebudayaan kebangsaan. Telah saya jelaskan tadi

dalam jawapan saya dengan jelas, Tuan Yang di-Pertua, kalau barangkali apa yang dimaksudkan untuk mengadakan satu convention ataupun satu kongress kebudayaan seperti yang telah kita buat pada tahun 1971 dan 1957 misal kata bagi menggubal semula Dasar-dasar Kebudayaan Kebangsaan itu soalnya kepada kita apakah convention itu sebagai satu penyelesaian masalah dan apakah ia perlu dan ataukah tidak sebaliknya tindakan itu, dengan izin, putting us back to square one.

### LEBUHRAYA TEMERLOH/ MENTAKAB—PEMBINAAN

**22. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kerjaraya menyatakan alasan-alasan beliau mengumumkan beliau tiada bertanggungjawab atas pembinaan Lebuhraya Temerloh/Mentakab yang sedang dibina di bawah tanggungan Kementerian beliau baru-baru ini.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, suratkhbar yang membawa berita mengenai Lebuhraya Temerloh/Mentakab ini telah salah faham atau "misconstrued" atas apa yang telah saya katakan mengenai projek itu.

Kekeliruan ini telah timbul oleh kerana sungguhpun projek ini ialah projek Persekutuan tetapi ianya adalah di bawah pengawasan JKR Negeri Pahang dan sebagaimana yang kita semua ketahui bahawa JKR Negeri Pahang adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Pahang sendiri.

Perkara kekeliruan ini telah diperbetulkan oleh suratkhbar berkenaan kemudiannya.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, ini bukan pertama kali ada kekeliruan. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada buat satu kenyataan awam di Sungai Petani, dalam dua tiga bulan tentu ada pilihanraya kecil di

Port Klang. Selepas itu Menteri menafikannya. Jadi ini bila pun Menteri ada buat kenyataan awam atau barangkali kenyataan lain, dalam bahasa Ingerisnya "say first and then think." Bolehkah Menteri berkenaan memberi jaminan kepada Dewan ini dalam masa hadapan "think first and then say it", dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan, soalan itu tidak bersangkut.

**Dato' S. Samy Vellu:** Saya boleh beri jawapan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh, tidak dibenarkan soalan itu diberi jawapan.

**Dato' S. Samy Vellu:** I leave it to him.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta jangan bercakap-cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

*(Soalan No. 24 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

*(Soalan No. 25 Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri.

*(Soalan No. 26 Y.B. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Peter Chin Gan Onn.

*(Soalan No. 27 Y.B. Tuan Peter Chin Gan Onn tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

*(Soalan No. 28 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir)*

**INSTITUT KEMAHIRAN MARA—  
DI KAMPUNG TUJUH, TUMPAT**

**29. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilakah rancangan pembinaan Institut Kemahiran MARA yang dicadangkan di Kampung Tujuh, Tumpat, Kelantan akan dilaksanakan. Mengapa projek ini begitu lama untuk dimulakan perlaksanaannya sedangkan proses pengambilan tanah telah selesai.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Standing Order Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak boleh jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah pun memberi keputusan itu mengikut pindaan Perlembagaan baru-baru ini, Setiausaha Parlimen boleh dibenarkan menjawab soalan-soalan (*Tepuk*). Silakan.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pembinaan Institut Kemahiran MARA di Kelantan ini telah diluluskan semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dalam tahun 1978.

Namun begitu, tapak bagi projek ini hanya telah diperolehi daripada Kerajaan Negeri pada akhir 1980. Hasil

daripada kajian oleh pihak perunding, adalah didapati bahawa kos penyediaan tapak serta infrastrukturnya sangat tinggi kerana sebahagian besar daripada tapak cadangan projek ini berpasir dan tidak kukuh. Oleh kerana demikian usaha untuk mendapatkan tapak tambahan atau ganti terpaksa dijalankan untuk memastikan kos projek itu adalah setimpal dengan faedah (benefit) yang akan diperolehi.

Sungguhpun demikian, usaha untuk melaksanakan pembinaan projek ini telah diteruskan dalam tahun 1983 di mana pelan konsep projek telah pun diluluskan baru-baru ini oleh MARA dan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Penyediaan pelan terperinci sedang diuruskan bagi tujuan kelulusan pihak berkuasa tempatan. Dalam pada itu bagi tahun 1983/1984 peruntukan yang ada hanyalah mencukupi untuk membayar harga tanah, kerja-kerja penyediaan pelan, ukur mengukur, dan kajian tanah sahaja. Permohonan peruntukan wang bagi tahun 1985 telah dipohon dan adalah diharapkan projek ini dapat dimulakan pembinaannya pada tahun hadapan.

**PERMIT MASUK—  
JUMLAH PERMOHONAN**

**30. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah permohonan yang diterima oleh pihak Imigresen untuk mendapatkan permit masuk dalam tahun 1981, 1982 dan 1983, jumlah yang diluluskan dan nyatakan negara asal utama si pemohon-si pemohon tersebut.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun-tahun 1981, 1982 dan 1983, Kementerian Dalam Negeri telah menerima sejumlah 5,020 pemohon Permit Masuk. Dari jumlah ini, sebanyak 75 permohonan telah diluluskan, 2,196 permohonan

ditolak manakala 2,749 permohonan masih diproses oleh Kementerian Dalam Negeri.

Untuk makluman oleh Ahli Yang Berhormat, kebanyakan permohonan untuk permit masuk adalah berasal dari negara-negara berikut:

Australia .. .. .	57
Britain .. .. .	171
Hong Kong .. .. .	32
India .. .. .	927
Indonesia .. .. .	1800
Singapura .. .. .	1033
Sri Lanka .. .. .	38
Taiwan .. .. .	104
Negara-negara lain ..	858
Jumlah .. .. .	5020

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pemohon-pemohon masuk ke Malaysia ini bertujuan untuk tinggal tetap di sini ataupun mendapat pekerjaan di sini ataupun sebagai pelawat, tetapi mengambil kesempatan sebagai pelawat itu juga untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan di Malaysia.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini mereka ingin duduk di negara kita ini sebagai penduduk tetap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab ada masa lagi maka kita berbalik kepada soalan yang pertama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang pertama.

## BUMIPUTERA MALAYSIA FINANCE DI HONG KONG—PINJAMAN

**1. Tuan Lim Kit Siang** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada terdapat persetujuan atau "acquiescence" oleh Bank Negara atau seorang Menteri berhubung dengan pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh Bumiputera Malaysia Finance di Hong Kong kerana pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan itu adalah terlalu besar.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah dan tidak perlu bagi Bank Bumiputera atau BMF atau sebarang institusi kewangan di negara ini mendapatkan persetujuan daripada Bank Negara atau daripada mana-mana Menteri sebelum sebarang pinjaman diberikan.

Sebagai seorang bekas Pengurus Bank dan kini sebagai Menteri Kewangan, saya berpendapat bahawa pinjaman-pinjaman yang sebegitu besar tidak seharusnya diberikan dan sekiranya perkara semacam ini telah datang ke pengetahuan saya, sudah tentulah saya menentanginya bulat-bulat. Biarlah saya terangkan kedudukan yang wujud sekarang, bank-bank tidak perlu mendapatkan persetujuan daripada Bank Negara untuk mengirimi dan memindahkan wang ke luar negeri. Cawangan-cawangan bank tempatan di seberang laut yang membuat pinjaman seperti kes ini juga tidak dikehendaki memberitahu Bank Negara. Ini adalah kerana dasar kita yang liberal mengenai pertukaran wang asing, dasar ini nyatalah telah disalahgunakan dan Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk memperbetul kedudukan dengan memperketat lagi peraturan-peraturan urusan bank.

Dalam konteks jawapan saya kepada soalan ini, wajarlah dinyatakan

berbagai-bagai tohmah yang jahat dan dengan perasaan bermusuhan telah dilemparkan terhadap pucuk pimpinan negara terutama sekali terhadap pemimpin-pemimpin Melayu dan UMNO dengan kata-kata yang menyindir dan berbau skandal, mengaitngaitkan pucuk pimpinan dengan apa yang dinamakan Peristiwa BMF di Hong Kong, berbagai kenyataan yang bermaksud jahat telah sengaja dibuat tanpa menghiraukan apa yang benar. Ini adalah suatu pendustaan yang tidak harus lagi dibiarkan bermaharajalela.

Saya mahu menyatakan sejelajelasnya di sini bahawa demi Allah dan berkat sokongan daripada semua pihak yang cintakan keadilan, kita akan menentang komplot yang membuat fitnah ataupun "conspiracy to defame" terhadap pemimpin-pemimpin Melayu ini (*Tepuk*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Bank Bumiputera pun ada beza daripada bank-bank yang lain di mana 100% ialah terdiri daripada wang-wang sektor Kerajaan atau public, bukankah benar bahawa dalam perkara-perkara pinjaman yang berjumlah begitu besar bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan termasuk Menteri yang bertanggungjawab terhadap bank Bumiputera adalah bertanggungjawab. Kalau bukan untuk meluluskan, tetapi untuk mengawal sama ada pinjaman-pinjaman yang berjumlah begitu besar dibenarkan baikpun oleh BMF atau Bank Bumiputera. Dan bukankah ini menunjukkan bahawa ada penglibatan, kalau bukan Bank Negara tentulah Menteri yang bertanggungjawab dalam Bank Bumiputera atau dalam pinjaman-pinjaman tersebut.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya terangkan tadi, perkara ini tidak pernah berlaku dan kalau pun ada dalam pandangan Yang Berhormat itu barangkali hanya atas buruk sangka sahaja.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa perkara yang diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi satu perkara yang serius, yang boleh kita anggap sebagai ada golongan atau komplot, terutama sekali daripada parti DAP menggunakan isu ini sebagai menghasut rakyat untuk mengecam pemimpin-pemimpin negara, pemimpin Kerajaan dan pemimpin UMNO. Adakah Kementerian yang berkenaan atau Kerajaan bercadang meletakkan hasutan-hasutan itu merupakan satu akta menghasut rakyat dan boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat dan mengugat negara. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan kepada mereka itu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ada aduan dan kalau aduan itu berasas, maka kita akan ambil tindakan sebagaimana yang terdapat dalam undang-undang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan No. 4 Yang Berhormat Wan Mohd. Najib.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 4.

#### IKLAN-IKLAN DAN PAPAN TANDA

4. **Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan mewujudkan iklan-iklan dan papan tanda perniagaan menggunakan Bahasa Malaysia, agar menggambarkan bandar-bandar kita bercorak kemalaysiaan serta dengan nilai-nilai keislaman yang dikehendaki oleh negara kita.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Bahasa Malaysia kini ada digunakan oleh para peniaga di dalam papan tanda dan iklan perniagaan mereka di dalam kawasan Penguasa Tempatan.

Selain dari Bahasa Malaysia, bahasa-bahasa lain juga dibenar digunakan tertakluk kepada syarat tulisan huruf dalam bahasa lain tidak boleh ditulis dengan lebih besar dari tulisan dalam Bahasa Malaysia. Tulisan dalam Bahasa Malaysia juga adalah dikehendaki diberi keutamaan di dalam papan tanda dan iklan perniagaan itu.

Para peniaga yang beragama Islam adalah juga digalakkan berusaha untuk memasukkan nilai-nilai keislaman di dalam papan tanda dan iklan perniagaan mereka sehingga peringkat mana yang boleh.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam melaksanakan Undang-undang Iklan dan Papan Tanda Perniagaan, Kerajaan-kerajaan Negeri telah berbeza daripada Kerajaan Persekutuan seperti yang dilaksanakan oleh negeri Kedah dan Wilayah Persekutuan di mana perkataan dalam Bahasa Malaysia dikehendaki 100% lebih besar daripada bahasa lain. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa di antara negeri-negeri ada berbeza tentang syarat-syarat berkenaan dengan Bahasa Malaysia, tetapi sukalah saya menerangkan bahawa semua negeri telah mematuhi bahawa Bahasa Malaysia patut diberi keutamaan dan bahasa-bahasa lain dibenarkan walaupun Bahasa Malaysia patutlah lebih besar dari bahasa-bahasa lain.

Walau bagaimanapun, dalam perkara ini Kementerian saya sedang mengkaji untuk merangkumi satu garis panduan untuk ditimbang oleh Jemaah Menteri supaya perkara ini dapat diseragamkan.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjelaskan apakah maksudnya "lebih besar". Adakah dari segi lebih tinggi, lebih luas atau dari segi warnanya sebab inilah yang menimbulkan keraguan di kalangan rakyat?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, tulisan Bahasa Malaysia dan tulisan-tulisan bahasa lain jika dari saiz tulisan itu kalau Bahasa Malaysia lebih besar dari bahasa-bahasa lain yang digunakan dalam papan-papan tanda dan iklan, itu memenuhi syarat yang dikenakan.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah termasuk dalam soal keutamaan itu "di atas" Bahasa Malaysia?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, itulah apabila saya menerangkan bahawa Bahasa Malaysia adalah juga dikehendaki diberi keutamaan di dalam papan tanda, ini adalah bererti bahawa Bahasa Malaysia digunakan "di atas". Walau bagaimanapun, perkara ini jugalah termasuk dalam kajian dan garis panduan yang dibuat oleh Kementerian kita buat masa sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 7, 8, 9, 10, 12, 19, 23, 24, 25, 26, 27 dan 28 adalah diberi di bawah ini)*

## **PORT DICKSON— KEBERSIHAN PANTAI**

**6. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai rancangan teratur dan jangka panjang bagi mengelakkan pantai Port Dickson terus menerus tercemar.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak-pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menentukan kebersihan pantai Port Dickson supaya pantai tersebut bebas dari pencemaran adalah Kerajaan Negeri Sembilan dan Pihak Berkuasa Tempatan Port Dickson. Peranan Kementerian saya ialah untuk memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri apakala diminta oleh pihak Kerajaan Negeri.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sembilan telah aturkan penyediaan satu plan induk bagi pembangunan yang kemas dan teratur di kawasan Port Dickson. Tambahan lagi, Majlis Bandaran Port Dickson mengambil tindakan seperti membersihkan pantai Port Dickson dari masa ke masa.

Walaupun demikian, Kementerian saya juga menumpukan perhatian ke atas hal-hal pencemaran di kawasan pantai Port Dickson dan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- (ii) mengawasi kualiti air dan kebersihan-kebersihan air di pantai Port Dickson dari masa ke semasa;
- (iii) mengeluarkan garis-garis panduan untuk mencegah hakisan tanah, penempatan

kilang-kilang dan lain-lain kegunaan tanah seperti kajian penilaian kesan alam sekitar ke atas projek-projek pembangunan;

- (iv) menyelaraskan dengan Jabatan laut, Kementerian Pengangkutan di dalam penguatkuasaan ke atas kapal-kapal yang membuang minyak dan benda-benda yang mencemarkan laut;
- (v) melaksanakan Rancangan Kontigensi Kebangsaan untuk Mencegah dan Mengawal Tumpahan Minyak di Selat Melaka; dan
- (vi) melaksanakan Skim Perpisahan Lalu Lintas (atau Traffic Separation Scheme) untuk mencegah berlakunya pelanggaran kapal di Selat Melaka.

Adalah jelas bahawa untuk melaksanakan rancangan-rancangan ini, kerjasama semua pihak adalah diperlukan, iaitu pihak Kerajaan Persekutuan termasuk Kementerian saya dan lain-lain Kementerian dan Jabatan serta pihak-pihak berkuasa di peringkat Negeri dan tempatan. Tambahan lagi, rancangan-rancangan ini akan lebih berkesan jika adanya kerjasama daripada pihak swasta termasuk pengusaha perumahan, industri dan perkapalan dan juga orang ramai.

## **TOL LEBUHRAYA SENAI- JOHOR BAHRU**

**7. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) sebab-sebab Kementerian bercadang hendak mengenakan tol ke atas pengguna Lebuhraya Senai dengan tiba-tiba sedangkan perkara ini tidak pernah disuarakan pada awal pembinaan Lebuhraya tersebut; dan

(b) adakah beliau sedar bahawa pungutan secara mengejut ini memeranjatkan orang ramai dan, jika sedar, adakah beliau akan membatalkan cadangan ini sesuai dengan bantahan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Johor.

**Dato' S. Samy Vellu:**

(a) Cadangan Kementerian saya untuk mengenakan tol bagi Lebuhraya Senai-Johor Bahru itu bukanlah dibuat dengan secara tiba-tiba sahaja. Perkara ini telah lama difikirkan dan kajiannya juga masih lagi dibuat tentang kemungkinan dan 'viability'nya.

(b) Pungutan tol tidaklah akan dibuat dengan secara mengejut oleh kerana selain daripada kehendak mengadakan kajian sepertimana yang saya sebutkan itu, cadangan memungut tol ini mestilah juga ditimbang dan diluluskan oleh Kerajaan untuk pelaksanaan. Buat masa ini, perkara ini adalah di peringkat cadangan sahaja dan butir-butirnya masih lagi dalam kajian. Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Lebuhraya yang dibina itu mustahaklah diselenggarakan dengan sempurna dan bagi maksud ini pihak Kementerian saya terpaksa mencari jalan untuk mendapatkan wang baginya. Pungutan tol yang dicadangkan itu adalah satu daripada cara-cara untuk mendapatkan wang bagi penyelenggaraan tersebut.

**BUMIPUTERA DALAM PENGEDARAN BARANG-BARANG**

**8. Tuan Seow Hun Kim** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar dalam pengumumannya pada 26-1-84, beliau telah mengeluarkan beberapa peraturan untuk mengawal aktiviti-aktiviti di bidang perdagangan/

Perindustrian dan di antara lain, beliau telah menyentuh tentang:

(a) perlantikan ejen-ejen Bumiputera dalam pengedaran barang-barang buatan Malaysia,

(b) cuma usahawan Bumiputera boleh menjadi pembikin makanan/minuman dalam tin dan botol,

(c) cuma kontraktor Bumiputera akan diberi kontrak pembinaan Kerajaan tanpa penaruhan wang cagaran,

(d) cuma pencetak Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerianya akan diberi kontrak Kerajaan mencetak; jika ya, sama ada beliau sedar peraturan-peraturan ini adalah berbau perkauman dan akan menjejaskan hubungan baik di antara kaum dan sama ada peraturan ini akan dibubarkan agar ia tidak menentang semangat ekonomi bebas yang kita amalkan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Dalam ucapan saya pada 26hb. Januari, 1984, saya telah menyebutkan tentang beberapa peraturan berhubung dengan perolehan Kerajaan untuk meningkatkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Sungguhpun beberapa dasar dan peraturan telah diadakan dari masa ke semasa sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini, pencapaian kaum Bumiputera dalam bidang perniagaan masih lagi di peringkat yang mengecewakan. Dalam bidang-bidang tertentu seperti pembinaan dan pengeluaran, Syarikat Bumiputera masih jauh tertinggal di belakang. Sekiranya keadaan ini dibenarkan berterusan, maka hasrat Kerajaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru sudah pasti tidak akan tercapai. Memandangkan kepada hakikat ini, saya berpendapat suatu tindakan yang tegas dan menyeluruh perlulah diambil

supaya keadaan ini dapat diperbaiki dengan segera. dalam hubungan ini usaha untuk menentukan pencapaian Dasar Ekonomi Baru adalah terletak pada semua pihak dan oleh itu segala usaha Kerajaan ke arah ini tidaklah harus ditentang atau dipersoalkan.

Bidang perolehan Kerajaan adalah merupakan sebagai tapak permulaan yang terbuka kepada Bumiputera untuk menceburkan diri secara aktif dan berkesan di dalam bidang perniagaan. Oleh itu, saya berasa bertanggung-jawab untuk menentukan yang bidang ini dapat menjamin pertapakan kaum Bumiputera dalam dunia perniagaan yang sejak berzaman tertutup kepada mereka.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat itu, saya ingin menjelaskan satu persatu.

Kerajaan telah mengeluarkan arahan supaya Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun seberapa yang boleh membeli barang-barang buatan dalam negeri dan tender-tender seterusnya dihadkan bagi barang-barang buatan dalam negeri sahaja. Arahan ini sudah tentu akan memberi faedah yang banyak kepada pengeluaran-pengeluaran tempatan yang kebanyakannya terdiri dari syarikat-syarikat bukan Bumiputera.

Oleh itu untuk memastikan pencapaian Dasar Ekonomi Baru, adalah wajar dan berpatutan supaya syarikat Bumiputera diberi peluang juga di dalam bidang ini dengan diberi kesempatan dilantik sebagai pengedar.

Syarikat-syarikat Bumiputera yang mendapat kontrak bekalan Kerajaan di masa-masa yang lepas adalah berperanan sebagai ejen kepada pembuat atau "principal" yang terdiri dari Bukan Bumiputera. Penglibatan di peringkat ini sahaja sudah tentu tidak dapat menjamin kemajuan mereka dalam bidang perniagaan seperti yang

diharapkan oleh Kerajaan. Apa yang dihasratkan ialah lebih ramai Syarikat-syarikat Bumiputera yang menjadi pembuat dan bukan setakat menjadi ejen-ejen semata-mata. Kenyataan saya bahawa kontrak-kontrak bekalan makanan/minuman dalam tin dan botol akan dihadkan kepada usahawan Bumiputera adalah untuk menggalakkan Syarikat-syarikat Bumiputera supaya menceburkan diri dalam bidang pembuatan. Dalam hubungan ini Jabatan-jabatan Kerajaan akan merupakan pasaran permulaan kepada mereka sebelum mereka dapat bertapak dalam pasaran terbuka. Masanya telah tiba bagi usahawan Bumiputera untuk meninggikan taraf mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan peraturan baru ini Kerajaan telah pun membuka peluang kepada mereka. Semua pihak yang menerima Dasar Ekonomi Baru dengan jujur tidaklah harus dipersoalkan peraturan ini.

Adalah tidak benar yang cuma Kontraktor Bumiputera akan diberi kontrak pembinaan Kerajaan tanpa penaruhan Wang Cagaran. Penghapusan wang cagaran ini ialah untuk semua tawaran kontrak kerja dan ianya melibatkan semua pemborong baik Bumiputera ataupun bukan bumiputera.

Mengikut kajian Kementerian Kewangan didapati di seluruh Semenanjung Malaysia pada akhir tahun 1983, saiz pasaran cetak keseluruhannya adalah tidak kurang dari \$300,000,000.00. Dari jumlah ini, hanya sebanyak lebih kurang \$28,000,000.00 atau 9.3% dari keseluruhannya melibatkan Jabatan-jabatan Kerajaan.

Manakala dari jumlah ini pula sebahagian daripadanya telah diuruskan sendiri percetakannya oleh Jabatan Percetakan Negara. Jadi jumlah yang diperolehi oleh Pencetak Bumiputera adalah jelas lebih rendah berbanding

dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu di peringkat 30%.

Pencetak-pencetak Bumiputera yang hanya mendapat sebahagian kecil dari pasaran ini terpaksa pula mendapatkan bahan-bahan mentah seperti Kertas, Dakwat filem, plate dan lain-lain lagi termasuklah tenaga mahir dari syarikat bukan Bumiputera. Dalam ertikata sebenarnya apa yang diperolehi oleh pencetak-pencetak berkenaan hanyalah upah cetak sahaja.

Jadi berdasarkan angka-angka dan kekurangan di atas, jelaslah peraturan tersebut bukanlah merupakan peraturan yang berbau perkauman sebaliknya adalah merupakan satu usaha ke arah pencapaian perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

### KAD PENGENALAN YANG HILANG

9. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kehilangan kad pengenalan yang dilaporkan pada tempoh 1978-1983 dengan memberi angka-angka pecahan secara tahunan;
- (b) sama ada beliau sedar sebahagian kad-kad pengenalan tersebut dikutip dan dijual kepada pendatang-pendatang haram Indonesia oleh sendikit-sendikit tertentu; dan
- (c) apakah tindakan yang diambil untuk membendung berleluasanya masalah ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**

- (a) Bilangan kad pengenalan yang dilaporkan hilang dalam tempoh dari tahun 1978 sehingga 1983

mengikut pecahan tahun ke tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Laporan hilang</i>
1978	114,294
1979	124,367
1980	139,681
1981	142,883
1982	148,244
1983	157,491
	—————
Jumlah:	826,960
	—————

- (b) Saya tidak sedar bahawa sebahagian daripada Kad Pengenalan yang dilaporkan hilang itu telah dikutip dan dijual kepada pendatang haram oleh sendiket-sendiket tertentu. Dalam pada itu Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan ini dan saya berterima kasih sekiranya pihak Ahli-ahli Yang Berhormat atau sesiapa juga yang mempunyai sebarang maklumat mengenai perkara ini supaya mengemukakan ke Kementerian saya untuk diambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab melakukan pengkhianatan ini.

- (c) Daripada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, saya membuat kesimpulan bahawa masalah yang berlaku secara berleluasa ialah masalah kehilangan kad pengenalan. Untuk mengatasi masalah yang sedang berleluasa pada masa ini, pihak Kementerian saya sedang mengambil beberapa langkah dan tindakan yang sesuai. Di antara tindakan yang diambil ini termasuklah meneliti setiap laporan kehilangan kad pengenalan demi memastikan kebenarannya.

Memandangkan bahawa jumlah laporan kehilangan kad pengenalan telah meningkat dari setahun ke setahun, sukacitalah saya mengambil peluang ini untuk menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab setiap pemilik kad pengenalan dan dokumen-dokumen penting lain untuk menjaga dokumen-dokumen ini dengan sempurna supaya ianya tidak hilang, rosak atau dicuri dari simpanan masing-masing. Sekiranya setiap pemilik kad pengenalan menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka menjaga dokumen yang penting ini dengan sempurna, saya percaya masalah ini akan dapat diatasi di peringkat akar umbinya.

#### BANTUAN MANGSA BANJIR

**10. Datuk Leonard Linggi anak Jugah** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan jumlah wang bantuan yang dibahagikan kepada negeri-negeri termasuk Sarawak oleh pihak Kerajaan Persekutuan bagi bantuan kepada mangsa banjir di antara bulan September 1983 hingga bulan Februari 1984.

**Datin Paduka Hajjah Aishah binti Abdul Ghani:** Jumlah wang bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada mangsa-mangsa banjir di antara September 1983 hingga Februari 1984 ialah \$532,990.00. Pembahagian bantuan ini mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Wang Bantuan</i>
(1) Kelantan	\$250,000.00
(2) Terengganu	\$150,000.00
(3) Wilayah Persekutuan	\$132,990.00
Jumlah ..	<u>\$532,990.00</u>

#### BUKU BAHASA MALAYSIA KE SEKOLAH-SEKOLAH SABAH

**12. Tuan Hassan Alban bin Sandukong** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar atau tidak buku-buku yang dihantar oleh Kementerian Pelajaran ke perpustakaan sekolah di Sabah sudah ketinggalan zaman, misalnya buku-buku Bahasa Malaysia yang dihantar masih menggunakan ejaan lama.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Adalah tidak benar bahawa buku-buku yang dihantar oleh Kementerian Pelajaran ke perpustakaan sekolah-sekolah di Sabah sudah ketinggalan zaman (out of date) seperti buku-buku Bahasa Malaysia yang masih menggunakan ejaan lama. Bahkan dasar Kementerian Pelajaran ialah pihak sekolah-sekolah hendaklah memastikan agar buku-buku yang diperolehi untuk perpustakaan sekolah hendaklah kemaskini dan sesuai untuk pembacaan murid-murid. Buat masa ini buku-buku perpustakaan yang dipesan dan dibekalkan oleh Jabatan Negeri Sabah untuk sekolah-sekolah di Sabah adalah terdiri dari buku-buku baru yang dipilih oleh satu jawatankuasa khas (yang dianggotai oleh beberapa orang guru dan guru besar di Sabah) dari senarai buku-buku terbitan baru yang diperakukan oleh Kementerian Pelajaran untuk kegunaan semua perpustakaan sekolah-sekolah.

#### PERSEMPADANAN BAHAGIAN PILIHANRAYA

**19. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan jurang perbezaan antara pemilih-pemilih kawasan pilihanraya luar bandar dan bandar adalah sangat luas, sama ada Kerajaan akan meminda Seksyen 2, Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan supaya kembali kepada keadaan yang wujud sebelum tahun 1962 di mana perbezaan

dalam jumlah pemilih di antara sesuatu kawasan pilihanraya dengan lain tidak melebihi 15%, jika tidak, mengapa.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Berpandukan kepada prinsip-prinsip lain termasuk keluasan kawasan, kemudahan pentadbiran, keadaan perhubungan tempatan dan faktor-faktor yang penting seperti kemudahan pengangkutan dan perhubungan, perbezaan pemilih antara kawasan luar bandar dengan kawasan bandar adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan perbezaan yang wujud itu adalah tidak besar.

Kerajaan tidak bercadang meminda sekali lagi Seksyen 2, jadual Ketiga belas Perlembagaan. Seksyen yang sama adalah dipakai di dalam persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya yang lepas yang dijalankan dalam tahun 1974.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat segala keadaan wujud dalam negara ini adalah tertakluk kepada perubahan. Berbagai perubahan telah berlaku di dalam semua hal di negara ini sejak 20 tahun yang lepas dan dengan demikian adalah mustahil untuk kembali kepada keadaan yang wujud dalam tahun 1962 seperti yang dicadangkan.

### **KONVENSYEN KEBANGSAAN BADAN-BADAN KEBUDAYAAN**

**23. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau akan memanggil satu konvensyen Kebangsaan Badan-badan Kebudayaan dan kumpulan-kumpulan yang mewakili masyarakat berbilang bangsa kita supaya dapat membincang dan bersetuju dengan pembentukan satu kebudayaan Malaysia yang dapat diterima oleh semua rakyat Malaysia.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Sebagai sebuah negara yang merdeka, pembentukan satu Kebudayaan Malaysia adalah perlu dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ke arah pembentukan itu telah pun digubal dan sudahpun diterima. Maka Kerajaan berpendapat sebarang kongres atau konvensyen ke arah itu tidak perlu diadakan lagi. Apa yang perlu dilakukan sekarang ialah mengisi kefahaman terhadap keseluruhan dasar itu kepada rakyat dan usaha ini sentiasa dijalankan melalui berbagai-bagai kaedah dan saluran termasuk usaha-usaha pendidikan dan kecelikan budaya. Kongres kebudayaan Kebangsaan tahun 1971 yang menggubal dasar tersebut bukanlah kongres yang pertama seumpamanya diadakan. Sebelum itu telah pun ada kongres-kongres yang lain yang merintis jalan ke arah yang tersebut.

Mungkin Y.B. dari Seremban itu berpendapat bahawa apa yang diputuskan 13 tahun yang lalu tidak boleh diterima oleh masyarakat pada hari ini tetapi adakah Yang Berhormat berkenaan dapat menjamin bahawa sebarang persetujuan yang dibuat pada hari ini dapat diterima pula oleh masyarakat 5 atau 10 tahun lagi. Jika kongres terpaksa dibuat setiap 5 atau 10 tahun sekali semata-mata dengan tujuan untuk memuaskan hati kelompok-kelompok tertentu maka Kebudayaan Kebangsaan di negara ini tidak akan terbentuk selama-lamanya kerana kita hanya nanti akan membuang masa dengan seminar dan kongres semata-mata. Soal adanya rasa tidak setuju di kalangan rakyat bukan bumiputera adalah kerana masalah kefahaman sahaja akan tetapi jika mereka tidak setuju kerana tidak mahu faham, kerana emosi, sentimen atau kerana kepentingan-kepentingan lain maka tidak ada sesiapa jua yang boleh membuat mereka ini bersetuju walau berapa kali kongres diadakan sekali pun. Orang-orang yang seperti ini

haruslah dinilai kembali kejujuran dan taat setia terhadap negara.

### **MINUMAN KERAS DI KEDUTAAN LUAR NEGERI**

**24. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah hidangan minuman arak di dalam majlis-majlis makan rasmi yang diberikan oleh kedutaan-kedutaan kita di luar negeri adalah suatu arahan dari Kementerian atau hanya pada budi bicara Duta-duta kita sendiri, dan adakah amalan ini akan diteruskan atau digantikan dengan minuman yang lebih sesuai oleh kerana Islam ialah agama rasmi dalam negeri kita.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kerajaan tidak menggalakkan hidangan minuman keras di dalam majlis-majlis makan malam rasmi di kedutaan-kedutaan kita di luar negeri.

Kerajaan tidak bercadang untuk menukarkan peraturan ini.

### **JEMAAH HAJI YANG HILANG**

**25. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah nasib enam orang Jemaah Haji yang hilang pada musim haji baharu-baharu ini. Adakah langkah-langkah yang berkesan akan diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan dari berlakunya kejadian-kejadian yang seumpama itu kepada bakal-bakal Haji di masa hadapan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Setakat ini enam orang Jemaah Haji yang hilang dalam Musim Haji tahun lalu belum lagi dijumpai dan usaha mencari mereka masih sedang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kedutaan Besar Malaysia dan Tabung Haji di Jeddah.

Di samping itu pihak berkuasa Arab Saudi termasuk Polis, Kementerian Haji dan Wakaf serta Hospital-hospital di Tanah Suci telah memberi kerjasama

mereka dalam usaha mencari Jemaah Haji yang hilang itu. Mengenai masalah kehilangan Jemaah Haji dalam Musim Haji, kedua-dua pihak Jemaah Haji sendiri dan Tabung Haji adalah bertanggungjawab bagi mengelakkan perkara itu daripada berlaku.

Jemaah Haji khasnya mereka yang sudah lanjut usianya, hendaklah mengelakkan daripada pergi ke Tanah Suci secara berseorangan. Sebaik-baiknya mereka hendaklah ditemani oleh anak-anak atau saudaramara yang boleh diharap membantu mereka semasa di sana.

Juga, memandangkan Jemaah Haji boleh bergerak bebas di Tanah Suci, mereka, khasnya yang sudah tua dan dhaif hendaklah bertanggungjawab menjaga keselamatan diri sendiri dan tidak keluar berseorangan apabila meninggalkan tempat menginap. Sebaik-baiknya apabila keluar untuk ke masjid ataupun di Arafah dan Mina, mereka hendaklah ditemani oleh ahli keluarga atau rombongan yang boleh mengawal keselamatan mereka.

Nasihat-nasihat seperti itu akan disebarkan oleh Tabung Haji seluas-luasnya kepada bakal-bakal Haji tahun ini melalui Kursus-kursus Haji serta risalah-risalah penerangan yang diberi kepada bakal-bakal Haji tahun ini.

### **SYARIKAT INSURANS ISLAM**

**26. Tuan Mohd. Idris bin Basri** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat ini berapa buah syarikat insurans telah memohon untuk menubuhkan Syarikat Insurans Islam untuk kaum Muslimin memandangkan masanya sudah tiba supaya suatu institusi insurans Islam didirikan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Setakat ini tidak ada permohonan untuk menubuhkan syarikat insurans secara Islam telah diterima oleh Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Badan Petugas untuk mengkaji kemungkinan bagi mewujudkan syarikat insurans yang berlandaskan kepada lunas-lunas Islam. Badan Petugas ini sekarang hampir selesai menjalankan kajiannya dan satu laporan mengenainya akan dikemukakan kepada Badan Perunding Islam untuk pertimbangan. Kerajaan seterusnya akan mengambil perhatian akan nasihat dan pandangan Badan Perunding Islam sebelum apa-apa tindakan diambil mengenai perkara ini.

#### **SISWAZAH PERUBATAN TIMUR TENGAH— Pemeriksaan Pesakit**

**27. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada ianya benar bahawa ada setengah siswazah perubatan daripada kolej-kolej yang diiktirafkan daripada Timur Tengah yang tidak menjalankan sebarang peperiksaan fizikal atas pesakit-pesakit yang berlainan dengan jantina kepada mereka, bagi contohnya setengah doktor lelaki tidak ada pengalaman atas "delivery" bayi. Jika ya, bagaimana ini mempengaruhi taraf perkhidmatan perubatan di hospital kita jika doktor-doktor ini dibenarkan mengamal di sini.

**Datuk Chin Hon Ngian:** Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa saya tidak menyedari adanya siswazah perubatan daripada kolej-kolej yang diiktiraf daripada Timur Tengah yang tidak diberi latihan dalam menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas pesakit dari kedua-dua jantina. Semua siswazah perubatan adalah dilatih dalam pemeriksaan dan rawatan pesakit-pesakit dari kedua-dua jantina dan di hospital-hospital kerajaan di Malaysia, doktor-doktor kita secara biasa menjalankan pemeriksaan dan rawatan kepada pesakit-pesakit dari kedua-dua jantina.

#### **BEKALAN BERAS DI TERENGGANU**

**28. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan, memandangkan kekurangan bekalan beras terutamanya di Terengganu kerana keadaan banjir di dalam mana harga beras melambung tinggi semasa musim hujan, mengapakah kuota beras bagi beberapa negeri tidak diberi mengikut musim.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Kerajaan telah mengadakan gudang-gudang untuk simpanan beras stokpail di semua negeri bagi menyimpan stok beras yang mencukupi untuk edaran ke semua negeri bagi keperluan sesuatu masa. Bagi negeri Terengganu bekalan beras boleh didapati dari gudang-gudang Kuala Terengganu, Chendering dan Kompleks LPN Bukit Kenak.

Sejauh mana yang diketahui oleh LPN, tidak ada kenaikan harga berlaku di mana-mana tempat di Terengganu dan sekiranya kenaikan harga ada terjadi, ini adalah berkemungkinan besar bahawa peniaga-peniaga telah mengambil kesempatan dari bekalan terganggu dan ketiadaan penguatkuasaan akibat terputus perhubungan jalan raya di kawasan yang dilanda banjir. Kenaikan harga sepatutnya tidak berlaku oleh kerana adanya kawalan harga.

Perkara ini, walau bagaimanapun, akan dikaji dan sekiranya didapati benar ada peniaga-peniaga yang terlibat menaikkan harga beras di luar harga kawalan, tindakan akan diambil terhadap mereka.

Persoalan mengapa kuota beras bagi beberapa negeri tidak diberi mengikut musim tidak timbul kerana bekalan beras sentiasa berada di paras yang ditetapkan bagi tiap-tiap negeri dan kekurangan beras hanya berlaku apabila perhubungan terputus dengan satu-satu

kawasan disebabkan oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti banjir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini adalah hari terakhir untuk persidangan ini. Kita masih lagi ada 3 Rang Undang-undang yang kena diselesaikan. Oleh sebab kesuntukan masa ini dan untuk membenarkan Ahli-ahli berucap sama panjang masa, iaitu jangan yang awal berucap itu panjang dan yang akhir itu pendek, saya pintalah Ahli-ahli Yang Berhormat berucap tidak lebih daripada 12 minit seorang dan Yang Berhormat Menteri-menteri berucap tidak lebih daripada 20 minit seorang. Saya minta maaf di atas keputusan ini yang dibuat oleh kerana keadaan yang memaksakan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PETROLEUM (LANGKAH- LANGKAH KESELAMATAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.04 ptg.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang yang bernama Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak beberapa tahun yang lalu perusahaan petroleum di negara ini telah berkembang maju dengan pesatnya, bukan sahaja dari segi penggunaan barang-barang petroleum yang semakin bertambah tetapi juga dari segi pertambahan jenis-jenis barang petroleum yang telah digunakan di semua peringkat. Perkembangan-perkembangan ini memerlukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang

lebih kemas dan lengkap untuk menentukan dan menjamin keselamatan di semua bidang, iaitu pengangkutan, penyimpanan dan penggunaan barang-barang yang boleh jadi merbahaya itu.

Pada masa ini undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada untuk mengawal dan mengawas pengangkutan, penyimpanan dan kegunaan barang-barang petroleum dari segi keselamatan, telah didapati tidak lagi mencukupi untuk menentukan adanya keadaan-keadaan yang boleh menjamin keselamatan yang pasti, atau mengelakkan kemalangan-kemalangan daripada berlaku. Undang-undang yang ada, khususnya Petroleum Ordinance 1949 dan Petroleum Ordinance 1960 (Sabah), apabila dikaji dengan mendalam, telah menunjukkan ada kelemahan-kelemahan yang perlu diatasi supaya satu keadaan yang boleh menjamin keselamatan dengan lebih berkesan dapat diadakan dalam suatu industri yang penting, yang telah menjadi semakin complex dan sophisticated.

Salah satu sebab yang penting yang memerlukan suatu undang-undang baru digubal dan dikuatkuasakan untuk mengawal perusahaan ini ialah kerana undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada didapati tidak meliputi atau merangkumi keseluruhan aktiviti-aktiviti atau larangan-larangan yang terlibat dalam perusahaan ini. Aktiviti-aktiviti baru, seperti pemasangan saluran atau pipeline gas, penggunaan sistem penyaluran gas ke bangunan-bangunan dan penggunaan alat-alat (equipment) di rumah-rumah dan di kilang-kilang, sama ada untuk kegunaan domestic atau perusahaan didapati tidak mempunyai peruntukan-peruntukan yang nyata di dalam mana-mana undang-undang yang ada. Peraturan-peraturan untuk mengelak daripada berlakunya kemalangan-kemalangan juga didapati kurang memuaskan dan perlu diperkemas.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang baru ini kemalangan-kemalangan yang berlaku akan diberi perhatian yang lebih untuk menentukan sebab-sebab kemalangan dengan cara saintifik dan teliti supaya kemalangan-kemalangan yang berlaku dapat dielakkan pada masa hadapan. Di bawah Akta baru yang dicadangkan ini kemalangan-kemalangan dalam perusahaan petroleum yang serius, akan diwajibkan untuk dilaporkan kepada Menteri yang bertanggungjawab tentang petroleum. Proses ini akan menjamin tindakan-tindakan yang sewajarnya dapat ditentukan. Undang-undang baru ini juga meningkatkan jumlah denda yang dikenakan atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan supaya dapat memberi kesan yang bermakna.

Seperti yang kita tahu, negara kita ini adalah satu negara Persekutuan dan sebagai sebuah negara Persekutuan pembahagian kuasa dibuat di beberapa peringkat, iaitu peringkat-peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan. Pada masa ini kuasa-kuasa mengenai pelesenan beberapa aktiviti-aktiviti berkaitan dengan petroleum tidak disatukan di bawah satu undang-undang tetapi dibahagikan kepada beberapa peringkat, tergantung kepada bidang-bidang kuasa yang ada. Keadaan ini didapati telah banyak menimbulkan masalah-masalah dalam proses pelesenan dan penentuan syarat-syarat pelesenan yang selaras dalam aktiviti-aktiviti yang sama. Keadaan ini, jika berterusan, boleh menimbulkan keadaan-keadaan yang tidak tegas. Suatu pentadbiran yang sihat dalam industri petroleum yang semakin berkembang ini tidak akan dapat diadakan jika tidak ada satu undang-undang yang boleh merangkumi semua aspek berkaitan dengannya.

Untuk mengatasi masalah ini, Rang Undang-undang ini akan menyatukan keseluruhan kuasa-kuasa membuat undang-undang dan peraturan-peraturan dalam semua bidang

petroleum. Menteri yang bertanggungjawab mengenai petroleum, yang pada masa ini ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, akan diberi kuasa di bawah undang-undang baru ini untuk mengadakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sama dalam semua aspek industri petroleum. Sungguhpun begitu, kuasa-kuasa ini boleh dan akan diturunkan (delegate) kepada beberapa peringkat dan agensi-agensi pentadbiran di bawah beberapa Kementerian, seperti Jabatan-jabatan Persekutuan dan Penguasa-penguasa Tempatan untuk memproses permohonan-permohonan dan pengeluaran lesen-lesen untuk sesuatu aktiviti petroleum. Kuasa-kuasa ini ialah kuasa-kuasa yang diturunkan. Peraturan-peraturan dan taraf yang sama dan diselaraskan akan digunakan di semua peringkat.

Di bawah undang-undang ini mana-mana peraturan dan "standard codes of practice" boleh dan akan dipakai sebagai peraturan-peraturan yang akan diwajibkan dalam pentadbiran industri ini. Peraturan-peraturan dan standard codes of practice yang dimaksudkan termasuk juga yang digunakan di negara-negara lain yang difikirkan sesuai dan munasabah untuk digunakan di negara ini.

Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kuasa untuk menentukan syarat-syarat dan "standard codes of practice" dalam industri ini akan disatukan di bawah kuasa seorang Menteri Kerajaan Persekutuan, ini tidaklah bermakna yang aktiviti-aktiviti pelesenan mengenai aktiviti-aktiviti petroleum yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan akan dihapuskan atau dijadikan aktiviti-aktiviti Jabatan Persekutuan. Aktiviti-aktiviti ini akan terus ditadbirkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Penguasa-penguasa Tempatan masing-masing tetapi peraturan-peraturan dan

“standard codes of practice” yang digunakan dalam pelesenan akan disatukan dan dikemaskinikan untuk menjamin suatu keadaan yang selaras sentiasa ada dalam industri petroleum di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi beberapa aktiviti-aktiviti baru dalam industri petroleum telah mula timbul dan menjadi aktiviti-aktiviti yang semakin berkembang dalam negara ini yang melibatkan masyarakat di semua peringkat. Kegunaan gas LPG adalah semakin berkembang dan dipercayai proses perkembangannya akan meningkat dengan bertambah majunya taraf hidup masyarakat di seluruh negara ini. Dasar Kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kepada minyak sebagai unsur tenaga juga akan memesatkan perkembangan kegunaan gas ini. Gas LPG dan gas asli akan digunakan dengan lebih meluas untuk kegunaan rumah dan perusahaan.

Kegunaan barang-barang yang merbahaya ini perlu dikawal dengan rapi dan berkesan di setiap peringkat aktiviti seperti peringkat penyimpanan, pengangkutan dan penggunaan. Undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada didapati tidak mencukupi untuk menjalankan tugas ini. Keadaan ini timbul kerana semasa undang-undang yang ada digubal, industri petroleum masih belum berkembang dan maju. Sungguhpun undang-undang ini telah dipinda dari semasa ke semasa tetapi perubahan yang pesat dalam perusahaan petroleum telah memerlukan pindaan-pindaan yang radikal dibuat, sehinggakan satu undang-undang baru difikirkan perlu. Pada masa ini negara kita telah pun menjadi sebuah negara pengeluar minyak; dan semenjak beberapa tahun yang lepas telah mula melaksanakan beberapa projek berasaskan gas secara besar-besaran. Oleh yang demikian, penggubalan satu Akta baru yang menyeluruh dan kemaskini dari segi

keperluan-keperluan industri yang moden adalah sangat diperlukan.

Salah satu aktiviti baru yang akan berkembang ialah penyaluran gas asli ke serata tanah air Semenanjung melalui saluran paip yang besar dan juga penyaluran gas ke bangunan-bangunan dan rumah-rumah sebagai cara penggunaan gas yang moden yang telah pun menjadi cara hidup di negara-negara yang maju dan sedang membangun. Aktiviti ini belum lagi dikawal di bawah mana-mana undang-undang yang ada. Di bawah Akta baru ini sebuah agensi Kerajaan Persekutuan yang sedia ada akan dipertanggung-jawabkan untuk mengawal aktiviti ini; dan aktiviti ini akan dilaksanakan di beberapa peringkat termasuk di kawasan-kawasan Penguasa Tempatan. Cara ini adalah penting untuk mengawal suatu aktiviti yang boleh jadi merbahaya yang memerlukan kepakaran-kepakaran tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan bertambahnya aktiviti-aktiviti berkaitan dengan petroleum yang disebutkan itu timbullah keperluan untuk menentukan definisi-definisi yang lebih kemas dan saintifik supaya tindakan-tindakan untuk menjaga keselamatan sesuatu sumber dapat ditentukan, berasaskan keperluan-keperluan barang-barang petroleum tertentu. Undang-undang baru ini memberi definisi-definisi yang nyata yang membahagikan barang-barang petroleum mengikut “flash point” iaitu “titik nyala” yang tertentu. Dalam lain-lain perkataan, barang-barang petroleum dibahagikan mengikut tahap merbahayanya iaitu mengikut di peringkat suhu manakah barang-barang itu boleh terbakar. Undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada kebanyakannya tidak jelas tentang definisi-definisi ini, yang menyebabkan tindakan-tindakan yang spesifik tidak dapat ditentukan untuk barang-barang petroleum yang tertentu. Perkembangan kegunaan barang-barang petroleum yang lebih

merbahaya seperti LPG dan gas asli memerlukan definisi-definisi baru dan keperluan ini dapat ditentukan di bawah undang-undang baru ini.

Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, mencadangkan dua undang-undang yang ada iaitu Petroleum Ordinance 1949 dan Petroleum Ordinance 1960 (Sabah) dimansuhkan. Sungguhpun begitu, pemansuhan kedua-dua undang-undang ini tidak memansuhkan dengan serta-merta segala peraturan yang dibuat di bawah kedua-dua undang-undang baru ini dikuatkuasakan, peraturan-peraturan baru akan dikuatkuasakan dari semasa ke semasa untuk menggantikan peraturan-peraturan yang ada sehingga semua peraturan, code dan standard of practice dapat dikemaskinikan selaras dengan tujuan undang-undang baru ini.

Saya suka juga menarik perhatian Dewan ini kepada implikasi-implikasi kewangan yang mungkin timbul dengan adanya suatu undang-undang baru ini. Sebenarnya, tidak ada agensi-agensi baru dicadangkan untuk ditubuhkan bagi mentadbir undang-undang ini. Agensi-agensi yang ada sekarang akan terus menjalankan berbagai aktiviti yang berkaitan dengan industri petroleum seperti yang dijalankan sekarang tetapi agensi-agensi ini akan menggunakan peraturan-peraturan yang baru dibuat di bawah Akta ini. Oleh yang demikian, dari segi kewangan, tidak akan timbul penubuhan ataupun pembesaran organisasi-organisasi yang ada, melainkan sedikit perubahan keupayaan badan-badan yang ada yang akan mentadbirkan aktiviti-aktiviti yang baru di atas.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini diterima, saya sukalah memaklumkan kepada Dewan ini iaitu undang-undang baru ini telah disediakan dengan berhati-hati setelah

dikaji dan dibincangkan di semua peringkat untuk mendapat pandangan-pandangan yang boleh menimbulkan suatu undang-undang yang dapat dilaksanakan dengan baik. Wakil-wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah juga mengambil bahagian dalam proses penyediaan Rang Undang-undang ini. Oleh yang demikian, adalah tidak difikirkan apa-apa masalah akan timbul dalam pelaksanaan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 48* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KANUN TANAH NEGARA  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*4.18 ptg.*

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa tanah adalah merupakan faktor pengeluaran yang terpenting. Justeru itulah, walaupun tanah telah ditentukan sebagai subjek Negeri oleh Perlembagaan, tetapi Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan membolehkan satu undang-undang tanah dikanunkan bagi tujuan keseragaman perundangan dan dasar. Masalah tanah bukan hanya masalah Negeri semata-mata, tetapi adalah masalah negara dan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kanun Tanah Negara atau singkatnya KTN sebagai undang-undang tanah yang utama, kini telah 18 tahun usianya. Di sepanjang usianya itu, tidak banyak pindaan-pindaan besar yang dilakukan ke atasnya. Kajian semula yang menyeluruh belum pernah dibuat. Pindaan-pindaan yang pernah dibuat tidak pula banyak menyentuh persoalan dasar tetapi lebih menitikberatkan soal-soal prosedur pentadbiran dan memperkemaskan peruntukan-peruntukan yang sedia ada.

Sesungguhnya urusan penyemakan Kanun Tanah Negara ini telah melalui penelitian dan pertimbangan yang sewajarnya di berbagai peringkat.

Hendaknya tiadalah "pahat berbunyi apabila rumah telah siap". Selain daripada Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Penyemakan Kanun Tanah Negara, mesyuarat dengan Wakil-wakil Kerajaan Negeri telah juga diadakan bagi mendapatkan pandangan dan teguran. Di samping itu, turut juga diambil kira semua pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak yang berminat dan berkepentingan seperti Majlis Peguam, Pertubuhan Juru Ukur, Pertubuhan Akitek, Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan, Majlis pengeluar-pengeluar Getah, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa, Persatuan Pengguna-pengguna, Persatuan Penghulu-penghulu dan juga individu-individu yang menyumbangkan pendapat.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha penyemakan ini telah menarik minat, sumbangan dan sokongan berbagai pihak terutamanya Kerajaan-kerajaan Negeri, UMNO dan Pergerakan Pemuda UMNO khususnya Kementerian saya telah membuat pertimbangan yang ikhlas dan sewajarnya terhadap usul-usul dan pandangan itu. Sangatlah menggalakkan apabila usaha-usaha ini mendapat sokongan yang padu apabila Rang Undang-undang pindaan ini diluluskan sebulat suara oleh Majlis Tanah Negara di mesyuaratnya yang ke-37 pada 30hb Januari tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Penyemakan dipertanggungjawabkan untuk mengkaji kemungkinan memperbaharukan dasar ke atas pelupusan tanah dan pembangunan tanah-tanah bermilik. Kemudahan perlu diperuntukkan bagi memungkinkan pembahagian tanah yang lebih sama rata, penggunaan tanah yang lebih berkesan dan pembangunan tanah yang lebih pantas. Sesuai dengan itu, telah dikaji semula konsep dan takrif tanah bagi memperuntukkan penggunaannya yang berkesan dan sepenuhnya ke atas ruang

udara di kawasan-kawasan membangun.

Kementerian telah cuba memudahkan proses serta procedure menghapuskan kesamaran dan pertentangan atau, dengan izin, to remove ambiguities and contradictions yang kedapatan di dalam KTN tersebut, demi memudahkan pembacaan dan pemahamannya.

Tuan Yang di-Pertua, strategi yang digunakan dalam melaksanakan urusan penyemakan ini adalah dengan mencuba sedapat mungkin supaya tiga matlamat utama dicapai. Pertama Kanun Tanah Negara atau KTN hendak berorientasikan pembangunan semasa. Kedua melaluinya Kerajaan seharusnya mendapat kemudahan untuk melaksanakan dengan berkesan beberapa projek yang berorientasikan sosio-ekonomi negara. Ketiga, satu sistem dan procedure yang teratur dan mudah perlu diwujudkan dalam pentadbiran dan perundangan tanah. Bertolak ke arah ketiga-tiga matlamat penting itulah maka usaha-usaha dijalankan untuk mengkaji peruntukan-peruntukan yang ada, memindanya ataupun mengadakan peruntukan baru jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan kepada KTN ini merangkumi empat falsafah utama seperti berikut:

- (i) untuk menyesuaikan dengan kehendak pembangunan;
- (ii) bagi keperluan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru;
- (iii) untuk faedah kepentingan Kerajaan-kerajaan Negeri;
- (iv) untuk memperbaiki sistem dan procedure pentadbiran tanah.

Sekarang izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan yang dibuat ke arah penyesuaian dengan kehendak

pembangunan. Demi menghadapi cabaran pembangunan yang mendesak dan menyedari hakikat bahawa kedapatan kelemahan-kelemahan tertentu dalam KTN, maka telah diperakukan beberapa peruntukan baru ataupun beberapa pindaan terhadap peruntukan yang sedia ada. Perakuan-perakuan yang dikemukakan adalah ke arah mempercepatkan proses urusan mengenai tanah, menambah kuasa bertindak dan menghapuskan sekatan-sekatan perundangan yang negatif. Hasrat ini dicapai melalui pindaan ataupun melalui peruntukan yang baru umpamanya dengan mengadakan peruntukan supaya ruang udara dapat dipergunakan sepenuhnya di atas tanah Kerajaan atau tanah rizab melalui pengeluaran permit. Peruntukan ini perlu diwujudkan memandangkan kepada keperluan mendesak pembangunan dan kekurangan tanah terutamanya di kawasan-kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempercepatkan pembangunan sektor perumahan, peruntukan diadakan dengan memendekkan proses tukar syarat dan pecah sempadan. Dengan cara membenarkan tuan punya tanah yang memohon pecah sempadan untuk mengemukakan permohonan tukar syarat ke atas petak-petak yang terlibat walaupun hakmilik berasingan mengenainya belum lagi dikeluarkan. Dalam keadaan sekarang, permohonan tukar syarat bagi tiap-tiap petak hanya dibolehkan setelah hakmilik yang berasingan bagi petak-petak tersebut dikeluarkan.

Sehubungan dengan ini telah diwujudkan peruntukan baru penyerahan dan pemberimilikan semula tanah atau, dengan izin, surrender and realienation, sebagai alternatif kepada urusan tukar syarat dan pecah sempadan kecuali bagi tanah adat di Melaka. Peruntukan ini dapat mempercepatkan lagi urusan pemaju

perumahan, kerana dengan cara ini, pemaju tidak perlu lagi melalui proses-proses tukar syarat dan pecah sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan ke atas pemecahan ladang-ladang kini diperketatkan dengan cara memperkecilkan keluasan tanah dalam takrif ladang daripada 500 ekar kepada 100 ekar atau 40 hektar. Tanah-tanah yang hanya dipisahkan oleh jalan, jalan keretapi atau sungai masih dianggap contiguous dengan izin. Dalam keadaan sekarang ladang yang luasnya kurang daripada 500 ekar atau 200 hektar boleh dipecahkan untuk dijual tanpa perlu mendapat kelulusan Lembaga Tanah Ladang. Kawalan ini perlu kerana pemegang ladang-ladang secara ekonomik dapat menyumbang ke arah kemantapan keluaran negara dan pemecahan ladang-ladang akan membawa akibat sebaliknya, di samping lain-lain gejala buruk sosio-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, isu tanah terbiar merupakan topik yang telah dipertikaikan semenjak satu dekad yang lalu. Adalah dicadangkan supaya diadakan peruntukan yang membolehkan pihak Kerajaan memasuki secara sementara tanah-tanah terbiar yang melanggar syarat untuk dipulihkan. Walaupun tanah terbiar yang melanggar syarat ini boleh dirampas di bawah Kanun Tanah Negara, tetapi ianya akan melahirkan beberapa implikasi politik dan sosial di samping bayaran pampasan yang tinggi.

Dengan peruntukan ini tuan tanah tersebut diberi peluang untuk memperbaiki kesalahannya bagi kali kedua, tanpa tanahnya dirampas melalui kuasa di pihak Kerajaan untuk memulihkan tanah itu dengan tempoh dan bayaran tertentu. Peruntukan ini diharap dapat menyumbang ke arah penyelesaian sebahagian daripada masalah tanah terbiar yang wujud sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara baru yang dikemukakan di bawah tujuan pembangunan ialah membahagikan kategori penggunaan tanah kepada empat iaitu kategori pertanian, perniagaan, perindustrian dan perumahan (atau dengan izin, agriculture, commercial, industry and residential). Dalam keadaan sekarang hanya tiga kategori sahaja yang wujud iaitu pertanian, bangunan dan perindustrian. Untuk kategori bangunan, tanah itu boleh digunakan sama ada untuk kediaman atau perniagaan. Dengan pindaan ini, penjenisan tanah adalah lebih tepat dengan penggunaannya.

Tuan Yang di-Pertua, KTN yang berkuatkuasa kini, tidak membenarkan tanah pegangan hakmilik sementara atau Q.T. dipecah sempadan, dipecah bahagian atau disatukan kerana tanah-tanah ini belum diukur secara halus. Urusan-urusan tersebut hanya dapat dibuat setelah hakmilik tetap dikeluarkan yang mungkin akan memakan masa bertahun-tahun lamanya.

Oleh yang demikian, bagi mempercepatkan pembangunan dan pembangunan semula tanah maka diperakukan satu pindaan supaya hakmilik sementara atau Q.T. dibenarkan dipecah sempadan, dipecah bahagian atau disatukan dengan satu syarat. Syaratnya hakmilik sementara itu mestilah hakmilik yang telah dikeluarkan hasil daripada urusan pecah sempadan, pecah bahagian atau penyatuan tanah yang dipegang di bawah hakmilik tetap.

Tuan Yang di-Pertua, KTN juga tidak membenarkan sesuatu tanah dipecah bahagi tanpa mendapat persetujuan semua tuan punya bersama. Pertelingkahan sering berlaku di kalangan tuan punya bersama dan penyelesaiannya hanya dapat dibuat di Mahkamah yang tentunya akan memakan masa yang panjang.

Keinginan majoriti tuan punya bersama untuk membangunkan sebahagian besar tanah tersebut tidak harus disekat semata-mata kerana tidak ada kerjasama dari hanya seorang pemegang syer yang kecil.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, adalah disyorkan supaya diadakan peruntukan yang membenarkan sesuatu tanah dipecah bahagi jika majoriti tuan punya bersama mempersetujuinya.

Atas alasan-alasan yang serupa, pindaan juga dicadangkan bagi membolehkan dilakukan gadaian ke atas syer tanah yang belum dipecah. Dalam keadaan sekarang sebahagian daripada tanah tidak boleh digadai. Keadaan ini menghalang seseorang tuan punya bersama dari mendapatkan modal bagi memajukan penghidupannya. Oleh yang demikian, pindaan dibuat supaya syer tanah dibenarkan digadai.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh mengambil masa seberapa lama Yang Berhormat berkehendakkan untuk membentangkan Rang Undang-undang ini dan membebaskan daripada sekatan masa. Tuan Yang di-Pertua telah memberi arahan supaya saya menyampaikan keputusannya kepada Yang Berhormat tidak dipakai lagi.

**Dato' Rais Yatim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian, dengan nada terima kasih dan penghargaan, pindaan dibuat supaya syer tanah dibenarkan digadai dan di atas faedah yang telah saya sebutkan itu adalah diharapkan, maka masa depan pihak-pihak berkenaan itu adalah terjamin sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, pemegangan tanah secara kecil-kecilan adalah satu fenomena biasa yang berlaku hasil dari

penurunan pusaka kepada waris-waris si mati. Pemegangan tanah begini adalah tidak ekonomi dan sukar ditadbirkan sama ada untuk dibangunkan mahupun dari segi pungutan cukai. Untuk mengelakkan masalah ini di masa hadapan maka peruntukan-peruntukan tertentu telah dipinda bagi menghadkan perkongsian milik yang ramai ke atas tanah-tanah pertanian supaya tidak kurang dari 2/5 hektar bagi seseorang dalam syer yang belum dipecah.

Terdapat beberapa cadangan yang apabila dilaksanakan akan dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru sama ada secara langsung atau tidak langsung. Perakuan-perakuan yang diutarakan adalah ke arah menentukan supaya sebarang urusan mengenai tanah adalah sejajar dan tidak bercanggah dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, umpamanya dengan mengadakan peruntukan yang membolehkan Pihak Berkuasa Negeri mengadakan sekatan kepentingan apabila meluluskan permohonan tukar syarat tanah.

Peruntukan dalam seksyen 124 (1) sekarang tidak merangkumi hasrat yang dimaksudkan. Bersesuaian dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru dan juga dasar Kerajaan untuk memastikan supaya Bumiputera dapat memiliki rumah-rumah kediaman, kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri telah membuat dasar supaya pemaaju-pemaaju perumahan mengkhaskan sekurang-kurangnya 30% daripada petak-petak perumahan kepada Bumiputera.

Walaupun dasar ini diterima tetapi pelaksanaan mengikut matlamat yang ditetapkan telah menempuh jalan buntu atau gagal sebab kawalan ke atas lot-lot tersebut adalah longgar. Satu cara bagi mengatasi masalah ini ialah dengan mengenakan sekatan kepentingan ke atas hakmilik-hakmilik yang dikhaskan kepada Bumiputera itu, supaya lot-lot

tersebut tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak merdeka, pemilikan tanah oleh warganegara asing dan syarikat asing adalah merupakan salah satu isu penting yang sering diperbincangkan di pelbagai peringkat. Ianya merupakan isu kontroversi yang melibatkan polemik sosioekonomi dan perundangan yang hebat. Walau bagaimanapun, selepas perbincangan yang berlarutan dan pertimbangan-pertimbangan yang teliti semenjak 10 tahun yang lalu, maka diprakarakan satu peruntukan undang-undang yang berpatutan dan realistik. Demi melindungi kepentingan rakyat sendiri, menyekat pengaliran wang panas dari luar negeri, terutamanya di sektor perumahan dan untuk memenuhi hasrat Kerajaan menggalakkan pemilikan tanah dan rumah oleh rakyat, maka peruntukan diadakan bagi menyekat warganegara asing dan syarikat asing daripada memiliki tanah kecuali tanah kategori perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, keraguan mengenai kesan-kesan negatif ke atas usaha-usaha penggalakan pelaburan asing berikutan dengan pindaan ini tidak harus berbangkit. Tanah-tanah yang telah sedia dimiliki oleh mereka tidak akan terlibat. Tanah kategori perindustrian adalah terbebas daripada sekatan ini. Pihak Berkuasa Negeri pula diberi kuasa budibicara untuk memberi pengecualian ke atas tanah-tanah kategori perniagaan dan kediaman atau, dengan izin, commercial and residential, dengan peruntukan baru ini. Pindaan ini adalah secara langsung mengutamakan dan mengiktiraf kepentingan warganegara Malaysia. Semua negara ASEAN misalnya telah lama mengadakan dan menguatkuasakan sekatan-sekatan tertentu terhadap warganegara asing berhubung dengan pemilikan tanah secara berleluasa. Masanya telah sampai bagi

Malaysia untuk menentukan warganegara utamanya utama dan selepas itu ianya adalah berupa persoalan kedua bagi warganegara-warganegara asing.

Cadangan-cadangan yang tergolong di bawah pindaan Kanun Tanah Negara bagi memperkukuhkan kepentingan Kerajaan-kerajaan Negeri akan mendatangkan faedah secara langsung kepada pihak negeri. Pelaksanaan peruntukan-peruntukan ini akan menambahkan hasil Kerajaan-kerajaan Negeri dan meningkatkan kemajuannya.

Contoh cadangan seumpama ini ialah dengan memperuntukkan supaya tanah tidak diberi milik untuk selama-lamanya atau, dengan izin, perpetuity, kecuali untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan, untuk tujuan awam atau dalam keadaan-keadaan tertentu, sebagaimana yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Tanah adalah satu keperluan terpenting untuk pembangunan negara. Tanah Kerajaan sekarang amat berkurang dan pembangunan akan memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk diambil semula. Dengan pemberi milikan untuk tempoh tertentu, apabila tiba masanya Kerajaan dapat membuat perancangan semula atau pembahagian semula tanah dengan lebih sama rata. Pemberi milikan semula ini juga akan melipatgandakan hasil Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang menyelamatkan peruntukan Kerajaan Negeri juga diadakan dengan mewujudkan peruntukan supaya dibolehkan Pihak Berkuasa Negeri mengenakan lain-lain bayaran, selain daripada premium tambahan dan cukai baru semasa meluluskan tukar syarat tanah.

Di projek-projek perumahan sering berlaku hakisan, banjir dan sebagainya yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan dengan perbelanjaan yang besar sedangkan sepatutnya pemajulah yang bertanggungjawab. Satu cara yang

difikirkan boleh mengatasi masalah ini di masa hadapan ialah dengan cara Kerajaan Negeri mengenakan bayaran-bayaran pembangunan, dengan izin, development charges, ke atas pemaju perumahan semasa meluluskan permohonan tukar syarat tanah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan juga diadakan supaya semua cukai bagi sesuatu tanah dijelaskan sebelum sebarang urusan bagi tanah tersebut boleh didaftarkan. Dalam keadaan sekarang, sesuatu suratcara urusan terpaksa didaftarkan, walaupun cukai dan tunggakan cukai tanah tersebut masih belum dijelaskan. Kelonggaran ini tidak menggalakkan tuan tanah menyelesaikan tunggakan cukai tanah. Pindaan ini diharap dapat menyumbang ke arah penyelesaian tunggakan cukai tanah yang merupakan salah satu masalah terbesar dihadapi oleh pentadbiran tanah di Negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pencabulan syarat kegunaan tanah berlaku di mana-mana. Kilang-kilang dan woksyp haram didirikan di atas tanah pertanian. Walaupun tindakan perampasan boleh diambil melalui peruntukan yang ada sekarang, tetapi pihak Kerajaan-kerajaan negeri merasakan bahawa tindakan ini haruslah merupakan langkah terakhir, last resort, dengan izin.

Oleh yang demikian, peruntukan baru perlu diadakan bagi menghalang pencabulan ini secara lebih berkesan. Oleh itu adalah disyorkan seksyen 127 dipinda bagi membolehkan denda dikenakan ke atas tuan punya tanah yang melanggar syarat dan denda tersebut akan meningkat dari hari ke hari sehingga kesalahan itu dibetulkan. Tindakan perampasan akan hanya diambil jika keadaan tidak dapat diperbaiki lagi. Dengan pindaan ini juga Kerajaan negeri akan mendapat tambahan hasil dan pentadbiran tanah yang lebih cekap dan tegas.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Rang Undang-undang ini adalah untuk memperbaiki sistem dan prosedur pentadbiran tanah. Sekurang-kurangnya 55 daripada semua pindaan-pindaan yang dikemukakan adalah merupakan pindaan-pindaan utama di bawah golongan ini. Bersesuaian dengan bidang rujukan penyemakan Kanun Tanah Negara, pindaan-pindaan dibuat bagi menyenangkan pemahaman dan pentafsiran dengan mengurangkan kesamaran serta kekeliruan peruntukan-peruntukan yang ada. Pindaan juga dibuat bagi memperkemas dan memudahkan proses serta prosedur pentadbiran undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu panjang untuk saya menghuraikan kesemua pindaan-pindaan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang berhubung dengan bahagian ini. Oleh yang demikian, izinkan saya sekadar menyentuh beberapa contoh pindaan penting sahaja dan semua pindaan-pindaan lain adalah sebagaimana dinyatakan di dalam huraian yang dilampirkan kepada Rang Undang-undang yang dikemukakan, serta melalui buku kecil yang bertajuk "Ke arah Perundangan Tanah Ala Malaysia" yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Salah satu rungutan yang disuarakan oleh tuan punya bersama ialah keinginan memegang satu dokumen yang membuktikan pemunyaannya ke atas syer sesuatu lot atau sebahagian daripada lot tanah. Kanun Tanah Negara memperuntukkan hanya satu hakmilik keluaran untuk dikongsi penggunaannya oleh beberapa tuan punya tanah yang bersama. Keadaan ini menimbulkan beberapa masalah di mana kadangkala tidak ada kerjasama di pihak yang memegang dokumen tersebut, atau mungkin pemegangnya tinggal di tempat yang berjauhan. Oleh itu adalah dicadangkan supaya

peruntukan diadakan bagi membolehkan salinan dokumen hakmilik dikeluarkan kepada tuan punya bersama melalui permohonan yang disertakan dengan bayaran tertentu. Dengan penggunaan salinan hakmilik ini, tuan punya bersama dibenarkan membuat pindahmilik, gadaian dan lien dengan lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa keraguan telah timbul di kalangan pentadbir tanah dan orang awam mengenai kuasa Pemegang Surat Kuasa Wakil atau, dengan izin, Power of Attorney, sama ada boleh membuat permohonan-permohonan di bawah Kanun Tanah Negara. Kesamaran peruntukan undang-undang telah menimbulkan interpretasi-interpretasi yang bertentangan. Untuk mengelakkan keraguan ini, maka pindaan dibuat bagi menyatakan dengan jelas bahawa Pemegang Surat Kuasa Wakil dibolehkan membuat permohonan-permohonan bagi pihak tuan tanah umpamanya memohon memecah bahagi tanah.

Begitu juga peruntukan diadakan supaya Pemungut dan Pengarah Tanah dan Galian Negeri diberi kuasa mendakwa untuk bertindak ke atas kesalahan-kesalahan di bawah KTN. Kedudukan kuasa ini adalah samar kerana dalam keadaan sekarang ada Pemungut yang diminta melakukan pendakwaan kerana beliau adalah pegawai yang sepatutnya mahir dalam undang-undang tanah. Dengan peruntukan yang jelas, tidak timbul lagi keraguan dan ini akan menyenangkan penguatkuasaan undang-undang.

Satu perkara baru yang diutarakan dalam bahagian ini ialah cadangan bagi menghapuskan pengeluaran dua jenis hakmilik dengan menentukan supaya semua pemberimilikan baru dibuat di bawah hakmilik Pejabat Tanah sahaja. Dengan pindaan ini maka tuan tanah yang tinggal di kawasan luar bandar

tidak perlu lagi pergi ke peringkat Negeri bagi membuat urusan tanah. Dalam keadaan sekarang pemegang-pemegang hakmilik Pejabat Pendaftar terpaksa berulang-alik ke Pejabat Pendaftar di ibu-ibu Negeri bagi membuat urusan tanah.

Untuk mempercepatkan urusan pemberimilikan tanah, Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran hakmilik sementara berikutan dengan sesuatu kelulusan pemberimilikan hendaklah diwajibkan. Dalam keadaan kini hakmilik sementara tidak akan didaftarkan kecuali jika dipohon oleh tuan punya tanah. Pendaftaran hakmilik tetapi biasanya akan mengambil masa yang panjang kerana terpaksa diukur secara halus. Tanpa dokumen hakmilik, tuan tanah tidak dapat membuat urusan dan sebelum pendaftaran hakmilik, cukai tanah tidak dapat dipungut. Dengan pindaan ini kedua-dua pihak akan dapat membuat urusan mengenai tanah tersebut dengan segera selepas sesuatu kelulusan pemberimilikan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi urusan tanah pula, pindaan dibuat dengan mengadakan peruntukan supaya tuan punya tanah menjelaskan segala bayaran berkenaan dengan tanah tersebut dalam tempoh yang ditentukan selepas kelulusan permohonan pecah sempadan, pecah bahagian atau penyatuan tanah diberi. Kelulusan ini dianggap luput sekiranya bayaran tidak dijelaskan. Peruntukan ini akan menentukan supaya masalah tunggakan tidak berterusan, mempercepatkan proses dan menyenangkan prosedur.

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan cadangan penggunaan sistem komputer dan memperkemas sistem rekod, maka diperuntukkan supaya dimasukkan butir-butir kad pengenalan atau pasport di dalam borang-borang Kanun Tanah Negara dan diwajibkan orang atau badan yang memiliki atau

berkepentingan atas tanah itu supaya memaklumkan kepada Pendaftar akan pertukaran alamat mereka. Dengan pindaan ini masalah perhubungan dengan tuan-tuan tanah akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menghapuskan kekeliruan dan kesamaran mengenai aturcara perampasan tanah yang diperlukan dari masa ke semasa oleh Kerajaan Negeri, pindaan dibuat dengan menyatakan secara jelas dan tegas bahawa sesuatu perintah perampasan itu hanya dikuatkuasakan apabila pampasan telah dibayar bagi tanah yang tertakluk kepada Seksyen 53, 54 dan 55 KTN. Walaupun amalan biasa penguatkuasaan ini adalah sedemikian, peruntukan yang ada sekarang didapati kurang tegas.

Satu pembaharuan telah juga dibuat mengenai bentuk hakmilik dengan mengadakan peruntukan yang membolehkan pengeluaran dokumen hakmilik dalam bentuk "multileaf". Peruntukan sekarang tidak mengizinkan dan ini menyebabkan adanya tindakan menampal lembaran-lembaran tambahan kepada dokumen itu. Tindakan begini adalah luar dari peruntukan undang-undang.

Untuk kepentingan tuan-tuan tanah yang terlibat, Tuan Yang di-Pertua, diwujudkan peruntukan pengeluaran hakmilik sambungan untuk baki tanah yang telah dihakis oleh laut atau sungai dan mengecualikan tuan punya tanah daripada bayaran pindaan sempadan tanah tersebut. Dalam keadaan sekarang, tidak ada peruntukan bagi hak milik sambungan untuk tanah itu dan ukur semula hanya dapat apabila dipohon oleh tuan tanah dengan dikenakan bayaran, sedangkan tanah yang terhakis itu menjadi tanah Kerajaan secara automatik. Cadangan ini adalah lebih adil untuk kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kepentingan umum dan juga untuk tujuan meningkatkan prestasi pungutan cukai, maka dipinda KTN agar Pemungut dibolehkan menentukan tempat-tempat yang sesuai bagi memungut hasil. Peruntukan sekarang mensyaratkan supaya tempat-tempat ini dimaktubkan di dalam Kaedah Tanah Negeri dan ini menyukarkan pengubahsuaian cara-cara pungutan hasil, terutamanya pungutan bergerak yang menggunakan kenderaan ke kawasan pendalaman.

Di samping itu, beberapa pindaan dibuat ke atas KTN supaya sesuai dengan keadaan semasa umpamanya agar tidak timbul kekeliruan penggunaan istilah-istilah tajuk jawatan dalam pentadbiran tanah maka semua istilah tersebut di dalam KTN disesuaikan dengan bidang tugasnya ataupun dengan gelaran-gelaran yang biasa digunakan sekarang. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekarang Ketua Pejabat Tanah ialah Pemungut Hasil Tanah (PHT), pindaan ini membawa nama baru, iaitu Pentadbir Tanah Daerah (PTD). Panggilan ini lebih tepat dengan tujuannya dan dengan matlamat pengurusan tanah di daerah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, merujuk kembali kepada huraian-huraian di atas, maka bolehlah saya simpulkan bahawa Rang Undang-undang ini melibatkan pindaan yang menyeluruh ke atas Kanun Tanah Negara. Pada keseluruhannya, pindaan-pindaan yang diperakukan itu merangkumi sebahagian besar dari perkara-perkara yang dihasratkan di dalam bidang tugas yang ditentukan dalam usaha memperlengkapkan Kanun Tanah Negara untuk berdepan dengan cabaran pembangunan masa kini. Dalam banyak hal dan keadaan, Kanun Tanah Negara yang telah berusia 18 tahun itu tidak dapat lagi menampung keperluan-keperluan tertentu pembangunan, pelaksanaan

dasar dan sistem pentadbiran masa kini, justeru, sudah tibalah masanya undang-undang tanah yang utama di Semenanjung Malaysia itu disemak semula. Dengan pindaan-pindaan ini Negara tercinta adalah setapak lagi maju dengan sistem perundangan tanah ala Malaysia.

Dengan ucapan itu, Tuan Yang di-Pertua, di samping mengucapkan terima kasih di atas keizinan lanjutan masa ini saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.51 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 tadi yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Yang pertamanya, menghargai usaha yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk meminda dan mengemaskinikan Kanun Tanah Negara 1965 yang sehingga hari ini sudah menjadi lapuk. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah mengemukakan berbagai-bagai pindaan kepada Kanun Tanah Negara dengan tujuan untuk mengemaskini dan melicinkan lagi proses penukaran syarat dan memecah kecil tanah dan memperkemaskan perkara-perkara lain yang diperlukan untuk menambahkan kecekapan pentadbiran tanah untuk faedah orang ramai.

Di antara berbagai pindaan satu-satunya pindaan yang tentulah akan menarik perhatian umum ialah Fasal 117 yang mengemukakan Seksyen-seksyen baharu 433A, 433B, 433C, 433D dan 433E. Di bawah satu bahagian baharu Tiga Puluh Tiga (A) berhubung dengan sekatan-sekatan terhadap pemerolehan tanah oleh warganegara asing dan syarikat asing. Seperti mana saya katakan tadi sungguhpun saya menghargai usaha yang telah diambil untuk mengemaskinikan Kanun Tanah Negara ini tetapi di samping itu, saya suka melafazkan perasaan saya dan juga kebimbangan saya terhadap beberapa peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Dan salah satu kebimbangan yang saya ingin menyuarakan di sini ialah tentang Fasal 117 ini. Tuan Yang di-Pertua, syarikat asing mengikut Seksyen baharu 433A mentakrifkan sebuah syarikat asing yang dimaksudkan dalam Seksyen 4 (1) Akta Syarikat 65 iaitu:

(a) satu badan yang ditubuhkan di luar Malaysia.

(b) warganegara asing bermakna seorang manusia biasa yang bukan menjadi warganegara Malaysia. Seksyen baru 433B membenarkan syarikat-syarikat asing dan warganegara asing memperolehi tanah kecuali tanah yang tertakluk kepada kategori pertanian melalui pelupusan atau urusniaga persendirian dan bukan pemindahan baharu negeri dengan syarat pemerolehan tanah kategori kediaman dan kategori perniagaan memerlukan kelulusan oleh pihak berkuasa negeri terlebih dahulu, kalau tidak ianya tidak sah sebagaimana terkandung dalam Seksyen baharu 433C. Bagaimanapun, sekatan tersebut tidak dipakai kepada badan-badan Diplomatik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya mengakui tujuan peruntukan ini diadakan adalah untuk melindungi kepentingan rakyat Malaysia yang mana saya bersetuju dengannya tetapi adalah menjadi harapan saya bahawa Kerajaan dalam melaksanakan sekatan-sekatan tersebut akan juga mengambil kira kepentingan pelaburan asing yang diperlukan oleh negara kita untuk perkembangan ekonominya. Maka dengan pandangan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya memberi satu jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa sekatan ke atas pemilikan asing tidak akan menjejaskan pelaburan asing memandangkan usaha-usaha yang kerap diambil untuk menarik pelaburan ke negara kita. Memandangkan ini adalah menjadi pendapat saya bahawa beberapa kelonggaran hendaklah diberikan kepada sekatan ke atas pemilikan asing untuk tanah kediaman dan perniagaan. Dan dalam hal ini saya suka mencadangkan di sini bahawa orang-orang asing terutamanya mereka yang mempunyai kepentingan perniagaan dalam negara ini hendaklah diberikan atau dibenarkan memiliki dan memperolehi unit-unit kediaman sendiri dalam bangunan-bangunan bertingkat-tingkat sebagai satu jalan untuk menggalakkan dan meningkatkan pelaburan asing dalam negara ini. Saya menyatakan demikian oleh kerana misalnya di negara jiran kita langkah seperti ini juga ada diambil.

Berhubung dengan perkara warganegara asing, Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk kepada pemastautin tetap yang mana saya rasa hendaklah diberikan pengecualian di bawah peruntukan ini kerana hakikatnya mereka telah pun diberikan hak untuk mendiami dalam negara ini maka mereka hendaklah diberikan hak untuk memperolehi dan memiliki satu harta kediaman sendiri dan membina kehidupan dan menyertai kegiatan-kegiatan perdagangan dan pertanian di

negara ini dan dengan itu dibenarkan memperolehi dan memiliki harta pertanian dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka memberikan pandangan berhubung dengan Seksyen baharu 116 mengenai tanah yang dipindah hak yang tertakluk kepada kategori perniagaan dan bahawa kegiatan-kegiatan perniagaan hendaklah dimulakan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh yang berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, para pemaju adalah mengambil perhatian berat kepada pindaan ini yang mana mempunyai beberapa kesan mendalam ke atas mereka. Misalnya, mereka akan dipaksa membina walaupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi bagi mengejar masa. Peruntukan baharu ini boleh menjejaskan mutu dan perancangan pembangunan jika tuanpunya-tuanpunya satu pemaju dipaksa secara tergesa-gesa mendirikan bangunan bagi mengejar tempoh masa. Peruntukan baru ini akan juga menimbulkan masalah kepada tuanpunya-tuanpunya tanah perniagaan dalam kawasan yang lembab atau tidak aktif yang mana tuanpunya-tuanpunya mempunyai kesusahan untuk menyewakan harta tanah tersebut kepada pihak yang lain. Peruntukan tersebut akan juga menambah lebih kerja kepada pentadbiran yang ada yang akan juga dikehendaki melaksanakan mengikut jangka masa.

Saya rasa bahawa jangka masa tidaklah begitu perlu kerana adalah menjadi kepentingan tuanpunya-tuanpunya tanah perniagaan itu sendiri untuk membangun dan memulakan kegiatan secepat mungkin. Dalam apa kes jangka masa 5 tahun ini, nampak saya adalah terlalu singkat dan seharusnya satu jalan untuk merayu ataupun memohon lanjutan masa diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pindaan Seksyen 117 (1) (b) yang menghendaki tanah perindustrian

memulakan operasi dalam masa 3 tahun dari tarikh yang berkaitan, adalah pandangan saya juga bahawa jangka masa 3 tahun ini terlalu bersifat menyekat dan hendaklah dilonggarkan lagi memandangkan sebab-sebab yang saya sebutkan di bawah kategori perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Fasal 11 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda 52 (1) KTN dengan menambah kategori kegunaan tanah dari 3-4. Kategori yang dicadangkan itu ialah pertanian, perniagaan, kediaman dan perusahaan. Saya tidak merasa syak bahawa keempat kategori yang baru ini akan melicinkan pentadbiran tanah.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Lee Lam Thye:** Lebih kurang 5 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Fasal 9 Rang Undang-undang ini yang mengemukakan satu perenggan baru (d) kepada Seksyen 42 (1) Kanun yang menegah Pihak Berkuasa Negeri daripada memberi milik mana-mana tanah yang kurang daripada 2/5 hektar yang dipegang oleh lebih daripada seorang atau badan melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu. Peruntukan baru ini sangat sesuai oleh kerana ianya secara ekonomik bersesuaian untuk tanah pertanian yang kurang daripada 2/5 hektar dimiliki oleh seorang atau badan. Dalam semangat yang sama saya ingin mengalu-alukan Fasal 77 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk mengemukakan atau memper-untukkan bahawa pemilikan bersama tanah pertanian adalah tidak dibenarkan sekiranya keluasan setiap petak yang akan terhasil adalah kurang daripada 2/5 hektar dan juga pindah milik tanah yang kurang daripada 2/5 hektar mestilah dilarang.

Akhirnya, saya suka merujuk kepada Fasal 5 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk mengemukakan satu perenggan baru (Ca) dalam Seksyen 11 yang membenarkan Pihak Berkuasa Negeri mengubah atau meminda sempadan mana-mana daerah-daerah kecil, mukim, bandar atau pekan. Saya suka meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah tujuan sebenar peruntukan baru ini dan apakah keperluan untuk mengadakan peruntukan ini.

Adalah jelas kepada saya bahawa peruntukan baru ini bertujuan untuk memperluas dan menambah kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Negeri sebagai terkandung dalam Seksyen 11 Kanun. Adalah dibimbang dan ditakuti bahawa penambahan kuasa boleh disalahgunakan, jika sebagai contoh ianya digunakan berhubung dengan pemecahan bahagian pilihanraya yang berkaitan dengan sempadan-sempadan pilihanraya atau juga ianya digunakan sebagai economic divider bagi mempengaruhi nilai harta yang tertakluk oleh peraturan kawasan atau zoning lebih-lebih lagi adalah dirasai bahawa kuasa-kuasa baru seumpama itu secara tidak langsung akan memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengubah kadar dan taksiran dengan cara mengubah sempadan-sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan-pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

5.05 ptg.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan berkenaan dengan Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 bagi tujuan meminda Kanun Tanah Negara 1965.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan yang telah mengemukakan tidak kurang daripada 125 pindaan kepada KTN yang saya anggap adalah satu pindaan yang sungguh luas dan bermakna. Pindaan-pindaan yang dicadangkan saya percaya akan mengukuhkan lagi pentadbiran tanah di negara kita, melicinkan sistem yang ada sekarang, menjamin bahawa tanah tidak akan menjadi satu komoditi yang boleh dispekulasi sehingga harganya melambung tinggi dan seterusnya memberi kemudahan kepada rakyat biasa dari segi pemilikan tanah yang lebih berkesan dan lebih mudah.

Pindaan-pindaan ini juga akan memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengawal kegunaan tanah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan mengenakan syarat-syarat yang tidak dapat dicabar lagi oleh mana-mana pihak seperti yang berlaku di masa-masa yang lalu. Pindaan-pindaan ini juga akan mengkanunkan amalan-amalan Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan permohonan mengubah syarat, pemecahan sempadan, pemecahan bahagian, penyatuan atau penyerahan dan pemberi milikan semula. Walau bagaimanapun saya ingin menyentuh beberapa pindaan yang dicadangkan dan memberi komen-komen supaya KTN ini dapat diperbaiki lagi di masa-masa yang akan datang. Sungguhpun banyak pindaan-pindaan yang dicadangkan tetapi saya rasa beberapa masalah belum dapat diatasi di dalam urusan tanah yang dialami oleh Pihak Berkuasa Negeri dan pemilik-pemilik tanah di bawah undang-undang yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin menyentuh Fasal 24 yang bertujuan meminda Seksyen 76 KTN iaitu Kerajaan-kerajaan Negeri di masa-masa yang lalu telah pun memberi milik selama-lamanya untuk tujuan awam kepada Kerajaan Persekutuan. Biasanya tanah tersebut diguna oleh satu-satu

jabatan Kerajaan Persekutuan untuk satu-satu tujuan. Tetapi apabila jabatan tersebut tidak menggunakan lagi tanah tersebut, tidak ada satu peraturan ataupun undang-undang yang boleh Kerajaan Negeri mengambil balik tanah tersebut untuk kegunaan Kerajaan Negeri. Memandangkan tanah-tanah tersebut adalah terletak di kawasan-kawasan bandar dan berharga dan memandangkan tanah yang sesuai sukar diperolehi, saya rasa satu peruntukan undang-undang perlu diadakan untuk Kerajaan Negeri diberi pilihan utama untuk mengambil balik tanah-tanah tersebut.

Kedua fasal 52 dan 53 yang mengemukakan Seksyen baru 141A dan Sub-seksyen baru (3) dan (4) dalam Seksyen 142 KTN, memberi satu kemudahan kepada majoriti tuan punya bersama untuk memohon pecah bahagian tanah dengan tidak perlu mendapat persetujuan tuan punya yang lain ataupun melalui satu permohonan di bawah Seksyen 145 KTN kepada Mahkamah. Saya berpendapat dengan pindaan ini Seksyen 145 KTN hendaklah diubahsuai dan diselaraskan dengan Seksyen 141A yang baru. Apa yang masih lagi menjadi masalah ialah peruntukan Seksyen 136 (1) (f) berkenaan dengan syarat bahawa untuk tanah pertanian keluasan tanah yang dipecahkan hendaklah tidak kurang daripada satu ekar atau 2.5 hektar.

Syarat ini telah menyulitkan tuantuanpunya tanah, khasnya tanah luar bandar di mana kebanyakannya dipunyai oleh ramai tuantuan punya akibat pembahagian mengikut hukum-hukum syarak. Oleh sebab satu-satu keping tanah itu dipunyai oleh ramai orang maka terdapat bahagian-bahagian yang belum dipecah kurang daripada 2.5 hektar. Hak-milik oleh tuantuanpunya tanah seperti ini telah menimbulkan berbagai-bagai masalah dan perbalahan di antara mereka. Jika sekiranya surat hakmilik berasingan

tidak dapat diberi kepada tuan punya-tuan punya tanah bersama mengikut bahagian-bahagian masing-masing maka masalah hak milik tanah tersebut, tanggungjawab membayar hasil tanah dan sebagainya sering kali berlaku sehingga menimbulkan pergaduhan di antara satu dengan yang lain.

Oleh yang demikian, saya rasa Seksyen 136 (1) (f) ini perlu dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga ialah Fasal 81 yang bertujuan meminda Seksyen 241 Kanun Tanah Negara untuk membolehkan tuan punya bersama tanah menggadai syer mereka masing-masing adalah satu kemudahan yang sangat dialu-alukan oleh rakyat. Dengan adanya pindaan ini maka bagi tuan-tuan punya tanah yang belum dipecahkan mereka bolehlah menggunakan bahagian mereka itu untuk mendapat pinjaman bagi pelaburan dan modal satu-satu perniagaan dengan tidak memerlukan persetujuan tuan-tuan punya tanah yang lain.

Syer-syer mereka adalah syer yang berharga dan memberi makna kepada mereka untuk menikmati syer tersebut selain daripada menjualkannya sahaja.

Begitu juga dengan Fasal 98 yang meminda Seksyen 343 Kanun Tanah Negara untuk membenarkan pengeluaran salinan dokumen hakmilik kepada seseorang tuan punya bersama untuk membolehkannya meminda milik, menggadai atau mewujudkan lien terhadap syernya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini sungguhpun boleh memberi kemudahan yang banyak kepada tuan punya bersama tanah tetapi ia tidak dapat mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi berkenaan hak memiliki tanggungjawab membayar hasil tanah dan sebagainya yang selama ini menjadi kesulitan kepada tuan punya bersama tanah.

Misalnya, Seksyen 343B Kanun Tanah Negara, bagi seseorang tuan punya bersama dalam tanah yang belum dipecahkan ia berhak memiliki dan menikmati kesemua tanah tersebut. Ini bermakna jika seseorang itu adalah tuan punya tanah setakat 1/10 bahagian tanah yang belum dipecahkan dia boleh memiliki kesemua bahagian tanah tersebut. Dengan lain perkataan jika seseorang itu menjadi tuan punya tanah satu ekar daripada sebidang tanah yang luasnya 10 ekar maka beliau berhak memiliki dan menikmati kesemua 10 ekar tanah tersebut. Peruntukan ini menimbulkan berbagai-bagai masalah yang telah dibawa ke mahkamah untuk diselesaikan. Peruntukan ini juga tidak berlaku adil kepada tuan-tuan punya tanah yang lain yang tidak ingin bergaduh dengan seseorang tuan punya bersama yang membolot ke semua tanah tersebut untuknya.

Begitu juga dengan masalah tanggungjawab membayar hasil tanah. Seseorang tuannya bersama tidak boleh membayar hasil tanah untuk bahagiannya sahaja, tetapi hasil tanah hendaklah dibayar untuk kesemua tanah tersebut. Jika dengan pindaan kepada Seksyen 343 membolehkan pengeluaran salinan dokumen hakmilik kepada seseorang tuannya bersama saya rasa pindaan juga perlu dibuat kepada Kanun Tanah negara untuk membolehkan seseorang tuannya bersama membayar hasil tanah untuk bahagiannya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menarik perhatian kepada beberapa masalah yang dihadapi oleh tuannya-tuannya tanah akibat pentadbiran yang tidak selaras di antara jabatan-jabatan yang terlibat dengan tanah.

Yang pertama, masalah pengambilan balik tanah oleh Kerajaan yang tidak ambilkira kesulitan tuannya-tuannya bersama dan meninggalkan baki tanah tersebut yang tidak ekonomik.

Yang kedua, pertelingkahan berkenaan dengan sempadan tanah di bawah surat hakmilik tanah sementara yang belum disukat selepas bertahun-tahun telah berlalu.

Yang ketiga, masalah right of way, dengan izin, berkenaan jalan-jalan kampung yang pada mulanya dibina dengan persetujuan tuan-tuan tanah tetapi menimbulkan masalah kebela-kangan ini apabila ada satu dua orang tuan tanah yang meletakkan sekatan di jalan-jalan tersebut dan menyulitkan orang ramai menggunakan jalan-jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong pindaan kepada Kanun Tanah Negara tahun 1965.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Ulu Muda.

*5.16 ptg.*

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Suatu Akta Kanun Tanah Negara 1965.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kerajaan terutamanya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang telah pun dapat menyediakan buku panduan bagi memudahkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengkaji, menyemak beberapa pindaan yang saya rasa amat sesuai dengan kehendak-kehendak negara yang sedang membangun sekarang ini. Saya rasa ini satu contoh yang boleh diikuti oleh Kementerian-kementerian lain supaya kita dapat menyemak dengan mudah dan dapat memahami kehendak-kehendak daripada apa yang dikehendaki bagi sesuatu pindaan Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Sebelum menyentuh lebih lanjut soal pindaan-pindaan yang telah dikemukakan, saya inginlah hendak menyentuh sedikit mengenai kehendak-kehendak atau masalah-masalah manusia berhubung dengan tanah ini.

Sebagaimana yang telah maklum bahawa sebahagian besar pergantungan hidup manusia adalah kepada tanah dan setengah orang mentafsirkan pemilikan tanah atau keluasan tanah yang dimiliki itu adalah sebagai symbol status di dalam masyarakat. Dan juga usaha-usaha untuk dapat memiliki tanah adalah satu usaha yang begitu gigih dibuat oleh masyarakat desa iaitu orang kampung dalam usaha untuk menampung ataupun meneruskan perjalanan hidup mereka.

Jadi, dalam pandangan yang telah dibuat saya tidak dapat melihat satu pun perkataan-perkataan yang boleh menunjukkan pemerosesan tanah yang dapat dilakukan dengan kadar yang segera sepertimana yang telah dialami oleh pemohon-pemohon tanah sekarang ini menghadapi kesulitan yang amat sangat berhadapan dengan pentadbir-pentadbir tanah setelah 4-5 tahun mungkin lebih daripada itu permohonan mereka telah dikemukakan kepada pihak berkuasa iaitu kepada Pemungut Hasil Tanah tetapi dukacita bahawa tiada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak yang berkuasa untuk memproses permohonan-permohonan mereka itu.

Jadi, dengan hal yang demikian, saya meminta supaya dapat Kementerian mengemukakan sekurang-kurangnya satu arahan secara departmental, dengan izin, kepada semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah melalui pihak-pihak berkuasa negeri supaya dapat memproses permohonan-permohonan tanah yang begitu lama dipendamkan oleh pihak-pihak yang berkuasa untuk memproses dan memberikan tanah ini.

Saya tahu bahawa memanglah terdapat beberapa proses permulaan permohonan sehinggalah ke peringkat kelulusan daripada pihak Exco, mestilah memakan masa. Itu saya akui, tetapi tidaklah mungkin masa itu begitu panjang daripada permohonan dikemukakan kepada Pemungut Hasil Tanah. Proses Pejabat Tanah dan diserahkan kepada pihak Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG) dan kepada Exco untuk diluluskan.

Jadi, dengan itu saya sekali lagi memohon supaya pihak kerajaan dapat memberikan arahan-arahan yang perlu kepada Pihak Berkuasa Negeri, kepada Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah dengan nama baru ini supaya dapat memproses perkara ini dengan cepat dan membolehkan masyarakat kampung terutamanya untuk memiliki tanah yang mereka idam-idamkan itu.

Saya menyetujui dan berterima kasih kepada pindaan kepada Fasal 3 iaitu mengenai nama-nama yang amat sesuai ditukar bagi melambangkan atau menunjukkan keadaan yang sebenarnya bidang tugas oleh Pemungut Hasil tanah yang selama ini hanya mencerminkan kerjanya adalah memungut cukai tanah tetapi, sebenarnya, mereka adalah mentadbirkan tanah bagi satu daerah sepertimana yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Ini satu pindaan yang saya rasa cukup baik, kerana ianya melambangkan satu kedudukan yang sebenar.

Pindaan yang paling besar, yang ditunggu-tunggu selama ini ialah mengenai seksyen 43. Saya tidak mahu hendak menghuraikan panjang lebar dalam perkara ini kerana ianya telah pun jelas di dalam pindaan yang telah dikemukakan dan saya mengucapkan tahniah dalam perkara ini. Saya tidaklah meragui sebarang kemungkinan yang berlaku sepertimana keraguan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar takut masalah-masalah perniagaan ataupun

perdagangan akan merosot dengan adanya sekatan-sekatan pemilikan orang-orang asing ini, orang-orang bukan warganegara ini. Saya rasa keraguan ini tidak perlu timbul kerana sekarang ini telah pun jelas di dalam pindaan ini di mana Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan jika sekiranya pada pandangan Pihak Berkuasa Negeri ianya akan memberi keuntungan kepada negara.

Perkara seterusnya ialah mengenai pindaan-pindaan dalam seksyen 141 (1), 141A, 142 (2), dan (3) seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah tadi, saya bersetuju dengan pandangan yang telah pun dikemukakan dan ini menunjukkan satu perubahan yang telah dibuat. Jadi bersesuaian dengan pindaan seksyen 95 iaitu mengenai cara pembayaran cukai tanah yang baru iaitu boleh dipungut di mana-mana dan pindaan kepada seksyen 343 iaitu salinan-salinan surat hakmilik boleh dikeluarkan kepada pemilik-pemilik di dalam undivided share, dengan izin. Jadi, saya mencadangkan sekali lagi di sini supaya pihak berkuasa dapat mengeluarkan juga bil-bil cukai tanah yang berasingan bagi memudahkan pembayar-pembayar cukai ini dan juga boleh menambahkan hasil kepada pihak Kerajaan kerana ini memanglah satu kesusahan yang dialami oleh pemegang-pemegang tanah atau pemilik-pemilik tanah bersama ini.

Satu cadangan pindaan kepada seksyen 76 KTN (Kanun Tanah Negara) iaitu pemberian hakmilik selama 99 tahun dengan tiga kecualian yang telah ditunjukkan dalam pindaan Rang Undang-undang ini. Saya dalam soal ini inginlah memberi pandangan bahawa pandangan saya ialah saya tidak bersetuju dengan cadangan pindaan ini kerana boleh jadi pada masa sekarang ini, perkara ini dipandang dan dilihat beberapa kebaikan, keuntungan yang diperolehi. Saya merasai suatu kecurigaan kalau boleh dikatakan

kepada saya di dalam jangka masa panjang kerugian-kerugian yang boleh kita nampak, yang boleh kita lihat secara langsung.

Pertamanya ialah mengenai apabila hampir tamat tanah 99 tahun ini, keadaan tanah itu sudah tidak ada nilai sama ada hendak digadai ataupun dipindahmilik. Ini suatu perkara yang memang akan berlaku sebab kita telah menetapkan 99 tahun. Walaupun begitu, saya hendak mencadangkan di sini supaya boleh dipertimbangkan supaya sekurang-kurangnya ditambah ataupun dimasukkan mengenai kedudukan tanah-tanah yang ditakrifkan sebagai Kawasan Simpanan Melayu menjadi empat kedudukan di mana kecualian ini boleh dipertimbangkan dan agar dapat menjaga keselamatan penduduk-penduduk luar bandar yang mungkin tidak begitu banyak pelajaran, pengetahuan mengenai seluk-beluk undang-undang tanah ini. Mungkin kita akan mengakui kita berpendangan bahawa orang-orang yang mengerti sahaja mungkin akan meminta untuk disambung semula selepas daripada 99 tahun. Tetapi bagi masyarakat yang masih rendah taraf pengetahuannya di dalam undang-undang ini mungkin mereka tidak tahu apakah keperluan yang perlu mereka buat setelah hampir 99 tahun ataupun selepas 99 tahun ini, jadi terlepas, terlupe hak pegangan mereka di atas pemilikan tanah ini.

Perkara seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah-masalah yang saya hendak mencadangkan iaitu mengenai pemberian lesen menumpang sementara. Di dalam Kanun Tanah Negara dalam Chapter 2, Section 65 (i) (c) telah menyebutkan bahawa tanah-tanah rizab Kerajaan yang tidak digunakan untuk tujuan yang dirizabkan itu boleh diberi hakmilik, boleh diberi lesen menumpang sementara (TOL). Sekarang ini saya nampak suatu keadaan sedang berlaku di semua kawasan di mana tanah-tanah rizab yang dirizabkan untuk padang

ragut, padang tembak telah tidak digunakan lagi, masalah penerokaan haram misalnya, mungkin tanah padang ragut itu telah tidak dapat kita lihat lagi bentuk padang ragutnya, yang wujud mungkin sawah padi. Ini suatu kebenaran, tetapi telah berkali-kali kita minta kepada Pihak Berkuasa Negeri supaya dapat menyelesaikan masalah ini tidak dapat diselesaikan dengan alasannya tidaklah kita ketahui mengapa? Peruntukannya ada dalam Seksyen 65 (i) (c), mengapa tidak boleh kita pakai kerana bagi menyelesaikan masalah masyarakat, ini sebahagian daripada masalah masyarakat yang berkehendakkan kepada tanah ini.

Satu pindaan mengenai seksyen 42 (1) ini iaitu permit menggunakan ruang udara tanah Kerajaan. Saya tidak tahulah sama ada pihak Kerajaan telah pun berunding dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melihat syarat-syarat ataupun undang-undang di dalam Building By Laws, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengikut undang-undang kecil bangunan ini, bangunan-bangunan yang boleh didirikan jarak building line adalah 10' daripada sempadan bagi sesuatu bangunan. Jadi bila telah diberikan permit untuk penggunaan ruang udara kita akan nampaklah satu bangunan yang berbentuk payung kemungkinan akan menutup ruang yang di bawah. Jadi kalau keadaan ini berlaku maka undang-undang yang saya sebutkan tadi iaitu Building By Law daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu telah pun nampaknya bertelagah dan akan menimbulkan masalah pentadbiran daripada Kementerian-kementerian dan juga Pihak-pihak Berkuasa Negeri dalam usaha untuk meluluskan pembinaan bangunan-bangunan. Jadi saya harap di dalam seksyen 42 (1) ini supaya dapat dikaji semula, dapatlah kita menampakkan suatu penyesuaian dengan Rang Undang-undang yang lain supaya Rang Undang-undang ini tidak

memihak, supaya tidak memberi suatu masalah di masa yang akan datang.

Saya ingin menyentuh sedikit dalam seksyen.....

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Banyak lagi Yang Berhormat?

**Tuan Othman bin Abdul:** Sedikit sahaja, saya sudah ringkaskan banyak, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang berhajat hendak bercakap panjang dalam soal ini, tetapi sudah dihadkan kepada 12 minit, maka saya pun melangkahlah beberapa perkara yang saya perlu. Tetapi saya hendak sebutkan pindaan kepada seksyen 42 (1) (d) Fasal 9 iaitu tentang kebenaran ataupun hak pelupusan tanah pertanian yang menyebutkan sebanyak 2/5 hektar ataupun satu ekar bagi tanah pertanian dengan subseksyen (3) dan (4) seksyen 205, Fasal 77, yang menyebutkan, dengan izin:

“(i) pemilikan bersama tanah pertanian adalah tidak dibenarkan sekiranya keluasan tiap-tiap petak yang akan terhasil daripadanya adalah kurang daripada 2/5 hektar; dan

(ii) pindah milik tanah yang kurang daripada 25 hektar mestilah dilarang.”

Ini saya rasa akan menimbulkan satu masalah.

Saya berpendapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah tadi kerana ini sudah pasti akan menimbulkan masalah kerana masalah faraid Islam misalnya, dalam penyelesaian harta pesaka kecil, sudah pastilah mungkin ada waris-waris yang tidak mahu untuk menyerahkan bahagian yang kecil itu kepada orang atau kepada waris yang lain. Saya tidak tahulah mungkin ada peraturan lain yang boleh dikemukakan oleh pihak

Kementerian di dalam menyelesaikan masalah ini, tetapi kita boleh mengawal tentang jual beli kerana ianya mesti disahkan oleh Pentadbir Tanah Daerah, maka di situ kita boleh kawal, tetapi kalau dalam penyelesaian masalah faraid yang dikehendaki mengikut Hukum Syarak ini akan menimbulkan masalah pada pandangan saya.

Yang akhir sekali, di dalam usaha Kerajaan untuk memodenkan pentadbiran tanah ini saya berharap pihak Kerajaan dapat mempercepatkan urusan penggunaan komputer bagi Pejabat-pejabat Tanah di semua daerah kerana saya berasa saya menghadapi masalah yang berat dalam usaha untuk menyemak, menyelidik ataupun melihat perkara-perkara tertentu di dalam urusan-urusan tanah ini, kerana dengan adanya komputer ini kita dapat mempercepatkan urusan-urusan tanah walaupun ianya mungkin akan menambahkan perbelanjaan Kerajaan, saya rasa ini adalah perlu kerana untuk memodenkan pentadbiran kita.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara, 1965.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Jelutong.

5.31 ptg.

**Tuan Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, terdapatnya dalam Bil ini cadangan-cadangan nampaknya tidak bahaya tetapi pada halnya membawa akibat yang tidak disangka.

Tuan Speaker, Perkara 117 Bil ini melarang pemilikan tanah bagi orang-orang bukan warganegara, syarikat-syarikat asing dan juga menyekat ketuanan tanah perdagangan dan kediaman tanpa kebenaran terlebih dahulu dari Pihak Berkuasa dalam negeri. Sungguhpun ada diterima cadangan sekatan-sekatan atau ketuanan asing tanah dalam negeri ini

akan mengurangkan harga tanah dan terlalu tinggi di sini dengan sebab orang-orang asing mampu membayar lebih, pada halnya pindaan-pindaan ini juga dikenakan kepada orang-orang bukan warganegara.

Tuan Speaker, nampaknya Kerajaan membentangkan pindaan-pindaan ini tanpa mengira hal "strata title" bagi kediaman kondominium. Nampaknya orang-orang asing berminat membeli rumah bukan tanah dalam Malaysia. Minat mereka ialah berniaga dan akan merosakkan pasaran harta dalam negeri ini, khususnya dalam Pulau Pinang di mana sekarang dan bukanlah banglow-banglow seperti dahulu.

Tuan Speaker, jalan ini sangat besar dan telah pun menyelisih sempadan luas dan masukkan orang-orang bukan warganegara yang berkurang nasib. Bukan warganegara bererti mengikut seksyen 43 (3) (a) dicadang seorang asal (natural person) bukan warganegara Malaysia. Terdapatnya ramai orang lahir dan dibela di negeri ini walaupun mereka layak yang tidak dapat menjadi warganegara. Terdapatnya lebih daripada 300,000 orang memegang Kad Pengenalan Merah. Perkara kewarganegaraan ialah satu impian sahaja dengan sebab response sejuk Kerajaan dalam hal ini permohonan-permohonan mereka.

Tuan Speaker, baiklah Kerajaan dengan jujur menimbang gesa orang-orang ini yang kurang bernasib. Apabila dibentangkan laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dalam Dewan ini pada minggu lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan negeri akan cuba mengadakan pendudukannya sebanyak 70 juta orang. Lebih baik kita memberi pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah priority dalam hal memberi kerakyatan. Orang-orang ini yang tidak ada negeri ada mempunyai taat setia kepada negara kita ini. Akar-akar mereka ialah dalam negeri ini.

Kesusahan hendaklah dihapuskan. Macam manapun, mereka mesti dibenarkan memiliki harta dalam negeri ini. Penduduk tetap hendaklah jadi satu syarat bagi memiliki tanah dalam negeri ini. Janganlah kita meniru Singapura dalam hal ini. Malaysia ialah satu negara luas dengan mempunyai potensi besar, cukupnya tempat bagi warganegara-warganegara dan penduduk-penduduk tetap dalam negara ini. Singapura ialah satu negeri pulau dan janganlah kita bandingkan kaya dan jenis ketuanan tanah negeri itu dengan apa yang kita hendak ada dalam negeri kita.

Tuan Speaker, nampaknya pindaan-pindaan yang dicadangkan ini tidak akan juga kecualikan warganegara kita. Pindaan-pindaan yang dicadangkan bagi seksyen 76 Kanun Tanah Negara akan melarang seseorang warganegara mendapat geran mati (freehold title) dalam beberapa tahun lagi. Pindaan cadangan itu membenarkan Pihak Berkuasa dalam negeri memberi geran mati tanah hanya dalam kes di mana Pihak Berkuasa berpuashati yang tanah akan digunakan bagi kegunaan am ataupun apabila Kerajaan Persekutuan hendak tanah itu bagi kegunaan sendiri mengikut Perkara 83, Perlembagaan Persekutuan ataupun apabila Pihak Berkuasa Negeri berpuas ada sebab-sebab khas untuk membuat demikian.

Pindaan yang dicadangkan tidak memberi definisi, Tuan Speaker, bagi kata-kata "keadaan khas". Selain daripada disalahgunakan peruntukan ini akan mengecualikan rakyat biasa dari mentuankan sebuah rumah didirikan atas tanah geran mati. Perkara dicadang ini akan goncang pasaran tanah tiada beberapa hari lagi. Tanah geran mati dengan sebab pindaan ini menjadi mahal. Menteri yang berkenaan mesti mengikut keadaan menenangkan hati orang ramai dengan menenangkan erti kata "keadaan khas" dan menjaminkan Pihak Berkuasa Negeri tidak salah guna kuasa yang diberi

untuk menentukan apa itu keadaan khas.

Tuan Speaker, adalah diharap keadaan khas itu tidak bererti lain-lain dalam hal pembelian tanah bumiputera dan bukan bumiputera dan bukan bumiputera. Ada dikatakan kerap kali rumah seseorang itu termasuk tanah itu ialah kubur bagi orang itu. Apabila orang itu mati dia kembali ke tanah. Dengan sebab itu kepentingan tanah bagi seseorang itu hendak dikenakan dari sudut yang benar.

Kita mesti ada undang-undang liberal berhubung dengan ketuanan tanah. Terdapatnya cukup tanah dalam negeri ini untuk mendirikan rumah bagi setiap orang. Seharusnya ada rakyat berpuas hati untuk membangunkan negara ini secara langsung dan berhasil. Seseorang rakyat tiada berpuas akan merosakkan kebaikan negara itu. Kita jangan mengambil langkah-langkah yang membawa kita ke masa yang lampau. Satu contoh yang baik, Tuan Speaker, ialah Negeri Kelantan di mana bumiputera dari negeri lain dilarang membeli tanah di sana. Ini membawa Kelantan kelemahan dalam kemajuan ekonomi.

Tuan Speaker, pindaan-pindaan yang dicadangkan mesti akan menakutkan sebilangan besar bakal pelabur-pelabur dalam negeri ini. Macam manapun, pemilik-pemilik asing boleh memiliki tanah menerusi wakil-wakil mereka. Tiada cara benar untuk mengelakkan keadaan itu. Walaupun maksud pindaan-pindaan itu ialah lebih kurang memberi priority kepada rakyat memiliki tanah dalam negeri, saya harap priority Kerajaan dalam hal ini ada betul. Untuk kebaikan ekonomi kita, ini perlunya pelaburan asing pada masa ini. Kita mesti ada dasar yang boleh menarik hati pelabur asing, tetapi dengan sekatan-sekatan melarang mereka dari eksploitkan kaum buruh kita.

Tuan Speaker, definasi Pihak Berkuasa Negeri dalam seksyen 5 KTN dipinda berpatuh dengan Perkara 2 (7) yang memperuntukkan di mana memaksa seorang Sultan atau Gabenor Negeri itu mengikut nasihat Exco Negeri itu.

Tuan Speaker, saya harap penyekatan kuasa Raja-raja dan Gabenor-gabenor tidak akan membawa kita ke suatu konfrantasi lagi antara Kerajaan dan Raja-raja. Negeri ini tiada mampu mengadakan satu krisis seperti itu. Dalam masa yang lampau ada berlaku beberapa konfrantasi antara Menteri-menteri Besar dan Sultan-sultan dalam hal-hal tanah. Tetapi syarat seorang Raja ataupun Gabenor mesti mengikut nasihat EXCO akan menentukan sekatan untuk kepentingan awam.

Tuan Speaker, Raja-raja dan Gabenor-gabenor mesti menerima pindaan dicadangkan dengan semangat baik dengan sebab pada akhirnya kepentingan awam hendak menukar semua keadaan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Baling.

*5.41 ptg.*

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih di atas kesudian Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang yang sangat keemasan di Dewan yang mulia ini pada hari ini bagi membahas satu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965 yang mana telah hampir 20 tahun belum dipinda. Saya mengalu-alukan hasrat Kerajaan atas Akta ini dan tertarik hati di atas hujah-hujah yang telah diterangkan dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang mana begitu terang dan jelas sekali di atas tujuan-tujuan, hasrat Kerajaan untuk mengadakan satu kanun tanah ala Malaysia yang kita cintai.

Pertama sekali di atas pindaan nama atau jawatan-jawatan di dalam Jabatan Tanah di semua peringkat yang lebih difaham dan terkenal seimbang dengan tugas-tugas yang diberi kepada mereka untuk lebih luas dan dinamis dan tertentu lagi bagi menjalankan tugas dan rakyat dapat memahami sebenarnya di atas tugas-tugas yang diberi kepada mereka dengan perkataan baru dalam jawatan kerana perubahan ini dibuat lebih sesuai dan dianggap sebagai jawatan yang sangat dihormati untuk dilaksanakan. Mudah-mudahan dengan perubahan nama ini masalah yang tidak begitu baik dan tugas-tugas yang dahulunya agak lambat dan tidak begitu sempurna diharap dapat dihapuskan dan diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan sekarang ini nampaknya bergantung kepada Ketua Pejabat Tanah satu-satu daerah dan juga Negeri tidak secara menyeluruh. Kalaulah ketuanya mempunyai semangat dan menjalankan tanggungjawab yang benar selalulah mendapat kemudahan lebih kepada rakyat. Umpamanya bagi mendapat geran-geran baru dan juga geran atau surat hakmilik yang lama untuk diganti baru kadang-kadang sampai setahun baru dapat walhal bayaran wang tersebut telah dibayar oleh pemilik tanah tersebut. Kalau boleh hendaklah disegerakan pengeluaran geran-geran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya dengan adanya pindaan ini supaya pihak Jabatan Tanah dapat menentukan atau daftar semula semua nama-nama yang dimiliki tanah lebih daripada seorang yang mana kadang-kadang terdapat sampai 10 orang pemilik tanah atas satu surat hakmilik supaya melantik salah seorang daripada mereka menjadi ketua untuk membayar harga hasil tanah dan dapat menerima surat notis lewat bayar kerana buat masa sekarang dibayar oleh tiap-tiap seorang nama di dalam pemilik tersebut yang mana kadangkala nama-nama

tersebut tidak mempunyai alamat yang tertentu. Saya percaya dengan adanya cara ini semuanya wang akan dapat dikutip dengan lebih teratur.

Selain daripada mengadakan tempat yang sesuai dan juga cara-cara kutipan bergerak, saya berharap mudah-mudahan dengan adanya satu cara iaitu memberi tahu kepada Ketua-ketua Kampung atau Imam-imam untuk memberi tahu lawatan-lawatan yang telah dibuat oleh pihak unit bergerak tersebut supaya dapat memberi kerjasama dan juga pendapat-pendapat mengeluarkan milik-milik tanah kepada tempat yang ditentukan itu.

Saya berharap juga supaya tiap-tiap notis dikeluarkan dapat memastikan tuan tanah itu menerima. kadang-kadang terdapat adanya tuan tanah tidak dapat terima oleh kerana perubahan alamat dan juga sebagainya. Saya mengesyorkan kalau boleh di masa pembayaran satu-satu tanah dibuat hendaklah diberi ingat kepada pemilik tanah itu supaya menentukan alamat mereka yang baru supaya mereka dapat membuat hubungan yang lebih rapi .

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya dasar baru yang sedang dilaksanakan sekarang, saya harap mana-mana tanah yang diberi lease kepada Bumiputera di dalam pekan kecil, bandar ataupun dalam bandaraya hendaklah diberi geran putus kepada mereka supaya keadaan tanah itu terjamin di tangan Bumiputera. Saya harap dapat dilaksanakan sebelum lucut tempoh lease itu ataupun di masa pembaharuan dibuat oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, buat mengakhiri Fasal 5 bagi membolehkan pihak Berkuasa Negeri mengubah atau meminda sempadan mana-mana daerah, daerah kecil, mukim, bandar atau pekan, saya harap kalau boleh nama-nama juga dapat diubah kepada

nama yang baru, nama yang sesuai, nama yang terkenal yang ada pada masa kini yang dirasmikan oleh penduduk tempatan oleh kerana kita terdapat nama-nama yang tertulis dalam geran itu kadang-kadangkalanya tidak ada lagi pada masa kini.

Sekian, saya menyokong pindaan ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Jasin.

5.46 ptg.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin):**  
Tuan Yang di-Pertua, apabila Parti Pembangkang gagal membuat Ucapan Penangguhan dalam Dewan ini, mereka menyalahkan Ahli-ahli Barisan Nasional kerana tidak dapat mencukupkan koram. Tetapi semalam apabila Dewan yang mulia ini mengambil keputusan sama ada menerima atau tidak Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, tidak ada seorangpun Parti Pembangkang daripada DAP dan PAS hadir dalam Dewan ini. Ini menunjukkan benar tuduhan kita selama ini mereka sebuah parti yang tidak bertanggungjawab dan tidak mahu menentukan sikap sama ada menyokong ataupun tidak, padahalnya rancangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri adalah rancangan yang menentukan maju dan mundurnya rakyat Malaysia yang akan datang.

Berhubung dengan soal pindaan Kanun Tanah Negara, saya tidak mahu mengambil bahagian bercakap mengenai dengan pentadbiran. Walau bagaimanapun, saya mengalu-alukan usaha Kerajaan yang telah mengkaji semula Kanun Tanah Negara yang telah lama dilaksanakan dan sudah seharusnya dipinda. Walaupun ada kelemahan-kelemahan yang didapati seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan ini, tetapi walau bagaimanapun pindaan ini adalah mendatangkan

kebaikan ataupun pindaan ini lebih baik daripada Kanun Tanah Negara yang asal itu.

Dalam waktu yang singkat ini, saya hanya hendak membawa satu pandangan kepada Kerajaan mengenai penggunaan tanah yang dimiliki oleh rakyat Bumiputera. Dasar Ekonomi Baru berkehendakkan orang Melayu supaya maju bukan sahaja dalam bidang pertanian tetapi yang lebih pentingnya dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Semua orangpun tahu bahawa untuk mengambil bahagian dalam perdagangan dan perusahaan tidak dapat tidak modal menjadi perkara yang penting. Walaupun dalam negeri kita banyak wang yang beredar seperti yang diurus oleh bank-bank tetapi bukanlah mudah untuk mendapatkan wang tersebut melainkan ada mempunyai cagaran yang cukup.

Tidak ada apa faedahnya kita mempunyai tanah yang luas, tetapi tanah itu tidak mendatangkan banyak faedah kepada kita. Kepada Bumiputera malang sekali oleh kerana sebahagian besar ataupun hampir-hampir semua Bumiputera itu berada di luar bandar maka tanah-tanah mereka itu tidak mempunyai nilai yang tinggi, lebih-lebih lagi tanah mereka itu adalah di bawah title Malay Reservation—Tanah Simpanan Orang Melayu maka harganya lebih rendah lagi.

Walaupun baru-baru ini Kerajaan telah membuat satu dasar baru iaitu pengambilan tanah orang melayu oleh Kerajaan hendaklah dinilai harganya sama dengan tanah-tanah kepunyaan bangsa asing tetapi berapa banyakkah tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan itu yang mendatangkan faedah kepada orang Melayu. Faedah yang sebenar yang patut kita kaji sekarang ini ialah bagaimana tanah-tanah itu dapat menimbulkan pinjaman wang yang jauh lebih besar untuk digunakan oleh Bumiputera dalam dunia perniagaan.

Pada masa inipun mengikut dasar baru Kerajaan banyak agensi-agensi Kerajaan akan diswastakan seperti pelabuhan kapal, Keretapi Tanah Melayu, Telekom, Radio/Televisyen dan baru-baru ini Perdana Menteri juga ada menyebut kemungkinan MAS juga akan diswastakan dan ini semuanya berkehendakan modal yang banyak. Apakah penswastakan ini atau satu rancangan yang baik itu dapat dinikmati sama oleh orang Melayu kita, orang Bumiputera?

Di sini saya suka mencadangkan supaya mengkaji satu skim baru dengan mengadakan satu perbadanan supaya perbadanan ini dapat memberikan petunjuk kepada penduduk-penduduk luar bandar atau Bumiputera, khususnya bagaimana tanah Melayu itu boleh digunakan bagi mendapatkan modal masuk dalam dunia perniagaan.

Orang-orang kampung kebanyakannya yang kurang berpelajaran dan bukan sahaja tidak tahu bagaimana hendak mencagarkan tanah kepada bank, lebih-lebih lagi mereka tidak faham bagaimana hendak masuk ke dalam dunia perniagaan. Jika tidak ada satu cara baru dilaksanakan maka pelaksanaan mereka itu sangatlah lambat. Perbadanan yang saya cadangkan ialah untuk mengumpulkan tanah-tanah orang Melayu sudah tentu dengan persetujuan mereka itu sendiri supaya tanah-tanah itu dapat disatukan, dikumpulkan dan dicagarkan kepada institusi-institusi kewangan dan seterusnya wang-wang itu diperniagakan.

Dengan cara yang demikian, saya percaya dengan tempoh yang singkat bumiputera akan mendapat modal yang banyak yang boleh diceburkan dalam dunia perniagaan. Kerajaan hendaklah memberi backing yang secukupnya ataupun sokongan yang kuat kepada perbadanan ini supaya perniagaan yang dijalankan itu tidak menanggung risiko yang begitu tinggi yang boleh membawa kepada kerugian.

Keyakinan rakyat kepada Badan ini mestilah dikekalkan selama-lamanya supaya mereka tidak menyesal kemudian hari kelak ataupun skim ini tidak akan gagal. Dengan memberikan skim-skim yang difikirkan pasti mendapat keuntungan oleh Kerajaan kepada perbadanan ini sudah pasti akan menarik minat lebih ramai orang-orang kampung menyertainya dengan menyerahkan tanah mereka itu kepada perbadanan itu supaya dicagarkan kepada bank. Dan dengan adanya satu cara penyusunan maka saya percaya pinjaman daripada corporation ini ataupun boleh jadi daripada Kerajaan sendiri.

Seperti kata saya mula-mula tadi tidak ada faedahnya kita mempunyai tanah yang banyak kecuali faedah daripada segi tanaman di luar bandar jika tanah itu berada di luar bandar. Tanah yang kecil luasnya yang ditanam dengan getah, dengan padi, seperti yang kita maklum mempunyai faedah yang tersangat kecil sekali dan tanah itu perlu digunakan dengan melahirkan modal seperti yang saya sebutkan tadi untuk benar-benar mendatangkan faedah yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kata saya mula-mula tadi, saya tidaklah hendak menyetuh soal-soal pentadbiran, soal-soal pengeluaran tanah, pengambilan tanah seperti yang tersebut dalam Rang Undang-undang ini kerana semuanya saya dapati mendatangkan faedah yang lebih baik, saya hanya bercakap di atas bagaimana tanah-tanah Bumiputera yang di luar bandar itu yang selama ini tidak mendatangkan hasil yang banyak dapat menimbulkan modal bagi membawa orang Melayu lebih luas dalam dunia perdagangan. Dan perbadanan ini bolehlah kita namakan misalnya seperti Perbadanan Ekonomi Tanah Bumiputera iaitu sebagaimana perbadanan ini boleh menggunakan tanah faedah ekonomi yang lebih besar kepada Bumiputera.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.55 *ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, KTN patut menumpukan perhatiannya kepada agihan yang lebih seimbang sebagai alat untuk mengatasi jurang di antara golongan yang berada dan yang kurang berada. Mesti wujud jaminan-jaminan yang mencukupi untuk menentukan bahawa pelaksanaan KTN tidak akan hanya mendatangkan manfaat kepada hanya mereka yang sudah pun memperolehi tanah, ahli-ahli birokrat dan usahawan-usahawan yang maju.

Saya melihatkan bahawa Rang Undang-undang ini adalah menyeluruh dan mengandungi banyak pindaan. Memang selepas 18 tahun beberapa bidang tertentu perlu dipinda dan menepati masanya. Saya menyedari bahawa secara am pindaan-pindaan sebanyak 124 ini dapat diperhatikan kepada empat bidang termasuk memenuhi keperluan pembangunan negara, mengukuhkan kepentingan Kerajaan negeri, memperbaiki sistem pentadbiran dan prosedur-prosedur tanah dan adalah sejajar dengan pelaksanaan DEB.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menyeru Kerajaan supaya apabila melaksanakan pindaan kepada seksyen 43 ini menentukan bahawa pelaburan asing tidak terjejas, saya hendak membangkitkan bahawa penakrifan syarikat asing itu menimbulkan satu kekaburan dan Rang Undang-undang ini merujuk kepada Akta Syarikat-syarikat 1965. Akta Syarikat-syarikat 1965 mendefinisikan syarikat asing sebagai satu syarikat yang ditubuhkan di luar Malaysia. Sesuatu syarikat yang ditubuhkan dalam Malaysia tetapi dimiliki dengan sepenuhnya oleh orang-orang asing boleh mensifatkan sebagai suatu syarikat tempatan. Jadi di sinilah

saya hendak Yang Berhormat Menteri menerangkan dengan teliti apakah ertikata syarikat asing dan orang-orang asing mujurnya Yang Berhormat Menteri tidak menyebut ertikata kaum-kaum asing seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jasin tadi. Yang saya hendak menyebutkan di sini satu perbuatan daripada Ahli yang tersebut yang tidak sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru yang akhirnya hendak mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati bahawa sekatan-sekatan atas pemilihan tanah bagi orang-orang asing akan juga mempengaruhi kira-kira lebih daripada 300,000 pemegang kad pengenalan merah. Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada mereka telah gagal menjadi warganegara yang bukan merupakan kesalahan mereka, kebanyakan daripada mereka juga terlalu miskin untuk memperolehi pendidikan yang kukuh bagi membolehkan mereka menjadi warganegara. Setengah daripada mereka yang tidak berupaya membuktikan taatsetia mereka kepada negara, kerana ia merupakan sesuatu yang terlalu aesthetic. Setengahnya pula dapat memperolehi kesemua keperluan asas mereka tetapi tidak berjaya mendapat kewarganegaraan Malaysia. Jadi saya mengesyorkan supaya pemegang kad pengenalan merah yang lahir di negara ini dan telah menetap di sini selama lebih daripada sepuluh tahun patut dikecualikan daripada seksyen 43 ini. Mereka patut dibenarkan membeli tanah bagi tujuan tertentu di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, manakala saya tidak menafikan kepentingan pindaan-pindaan yang telah dibentangkan di hadapan kita, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa perkara lain yang penting, terutama sekali pentadbiran tanah yang amat buruk. Yang Berhormat Menteri juga yang saya sebut untuk mengemaskini pentadbiran tersebut.

Saya diberitahu bahawa masih terdapat kira-kira 220,455 permohonan bagi tanah di Semenanjung untuk diproses dan Kerajaan akan memulakan satu bank maklumat tanah untuk mengemaskinikan permohonan-permohonan ini dan melicinkan pentadbiran.

Beberapa pindaan tertentu untuk memperbaiki pentadbiran tanah juga terkandung di dalam Rang Undang-undang ini akan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa walaupun komputer yang sofistikated digunakan, kelicinan sistem pentadbiran akhirnya akan bergantung juga kepada tenaga manusia yang terlibat.

Saya mempunyai banyak bukti yang menunjukkan contoh pentadbiran yang lemah—contoh ketidakadilan yang kadangkala wujud seperti yang berlaku pada seorang wanita di kawasan pilihanraya Sungai Besi semenjak tahun 1976 lagi. Beliau telah memohon untuk mendapatkan satu lot tanah di Batu 6, Jalan Cheras yang masih belum diluluskan yang telah pun dicadangkan oleh pihak yang berkuasa. Pada tempoh hari beliau telah mendapati sebuah rumah baru telah terbina atas lot yang sama. Apabila perkara ini dibangkitkan dengan Pejabat Tanah yang berkenaan, saya telah diberitahu bahawa oleh kerana perubahan tiga orang Penolong Pengarah dalam satu jangka masa yang singkat sahaja, kes permohonan wanita tersebut tidak pernah dikemukakan bagi perhatian EXCO. Lot tanah tersebut telah diduduki sejak 6 bulan yang lalu.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, adalah penting pelaksanaan undang-undang yang patut dipertingkatkan supaya nasib buruk yang telah melanda undang-undang reformasi penyewaan (tenancy reformation tidak akan berulang lagi. Akibat daripada kegagalan perundangan ini, kedua-dua dalam tahun 1955 dan 1967 penyelidik-penyelidik di kawasan pertanian MADA telah menyimpulkan bahawa kegagalan

reformasi-reformasi itu yang utama adalah pengaruh-pengaruh politik dan sosial tuannya-tuannya tanah. Mereka juga menyimpulkan bahawa ini merupakan hakikat sebarang pembaikan perundangan tidak akan meningkatkan kekesan undang-undang ini. Inilah sebabnya saya menegaskan kepentingan pelaksanaan yang baik serta bermutu tinggi akan tetapi pindaan kepada KTN ini tidak mempunyai cadangan untuk reformasi tanah. Ada keperluan untuk memikirkan semula dasar mengenai reformasi tanah untuk pertanian, antara sebab-sebab utama bagi keperluannya adalah seperti berikut:

- (1) Jumlah tanah banyak berada dalam tangan beberapa orang tuannya tanah sahaja.
- (2) Terdapat buruh pertanian yang ramai dan tidak memiliki tanah.
- (3) Kekurangan pekerjaan dalam sektor-sektor yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan saiz maksimum berkesan sesuatu ladang atau kebun patutlah kecil. Mereka yang berfaedah dari langkah reformasi tanah ini mestilah mereka yang paling miskin.

Penyelidik-penyelidik di kawasan MADA pula telah mengesyorkan reformasi-reformasi yang berikut:

- (1) Keutamaan patut diberikan kepada mereka yang mahu dan sedang mengerjakan tanah.
- (2) Sesuatu tapak, suatu siling minimum patut ditentukan.....

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak, 3-4 minit lagi cukuplah.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** 3-4 minit boleh teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:**

- (2) Satu tapak minimum patutlah ditentukan berdasarkan per kapita (adult equivalent basis) supaya pendapatan yang mencukupi boleh diperolehi untuk membolehkan sesuatu rumahtangga petani itu untuk hidup di atas garis kemiskinan.
- (3) Pampasan yang berpatutan iaitu sekurang-kurangnya lebih tinggi dari nilai pasaran tanah itu sebelum langkah reformasi tanah itu dijalankan harus diberi oleh pihak Kerajaan Negeri serta pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada mereka yang semata-mata bergantung atau amat bergantung kepada tanah itu.
- (4) Bayaran pendahuluan tidak patut diadakan bagi tanah yang diagihkan semula dan seasonal repayment mestilah berpatutan.
- (5) Saya mencadangkan supaya Orang Asli di negara ini diberikan hakmilik tanah yang sah di mana mereka ditempatkan. Ini adalah kerana mereka sentiasa terlibat apabila timbul usaha-usaha Kerajaan untuk meneroka kawasan itu bagi bijih atau lain-lain sumber asli tertentu.

Saya ingin menyatakan satu contoh di negeri Perak di mana Orang Asli di Kampung Sungai Bekor, Kuala Kangsar telah dengan tiba-tiba dilanda oleh sekumpulan syarikat swasta untuk menjalankan kerja-kerja carigali timah. Daripada pelan-pelan syarikat itu, mereka telah menyedari bahawa seluruh kampung mereka seluas 820 ekar adalah terlibat.

Setelah saya menulis surat rayuan bagi pihak 400 orang yang terlibat itu kepada pihak Kerajaan Negeri, saya telah menerima jawapan yang mengakui kelulusan permit carigali tersebut tetapi

menyatakan bahawa hanya sebahagian kecil kawasan kampung itu terlibat. Lebih penting ia menyatakan bahawa sekiranya pilihan dibuat kelak untuk memajukan galian meliputi kawasan cadangan Simpanan Orang Asli itu, adalah menjadi tanggungjawab pelombong untuk membuat segala persiapan dan mengadakan kewangan bagi memindahkan sebagaimana ditetapkan semua keluarga Orang Asli yang terdapat di atas tanah berkenaan ke satu kawasan yang ditetapkan oleh Pemungut Hasil Tanah, Kuala Kangsar setelah berunding dengan Pengarah Hal Ehwal Orang Asli Perak/Kedah. Adalah anih bahawa penduduk kampung Orang Asli itu sendiri tidak perlu ditemui. Tanah Orang Asli ini adalah hakmilik yang telah diwarisi tetapi apabila permit-permit sedemikian dikeluarkan tempat kediaman mereka terjejas. Itulah sebabnya saya mengesyorkan supaya hak milik yang tetap diberikan kepada mereka.

Akhir sekali saya mencadangkan bahawa accountability pengurusan tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri khususnya Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri mesti dipertingkatkan. Ini adalah kerana jumlah wang yang terlibat yang tidak dapat disahkan adalah begitu besar. Misalnya, di Negeri Selangor, jumlah hasil yang bertunggak di lapang buah pejabat pertanian dalam tahun 1979 adalah \$8.6 juta. Ini tidak termasuk perbelanjaan sesia yang lain. Misalnya kegagalan pemindahan hakmilik 4 keping tanah di Mukim (Bandar) Banting dari tuannya tanah tersebut dan Kerajaan Negeri Selangor selama 10 tahun. Akhirnya, dalam tahun 1976 tanah itu terpaksa diperolehi dengan bayaran wang pampasan.

Pengurusan tanah adalah satu-satunya bidang yang paling terbuka kepada salahguna dan penyelewengan. Dalam hal inilah kawalan yang ketat patut diadakan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan Kerajaan sepertimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini bagi diputuskan. Masalah ini ialah bahawa Usul ini dipersetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan Kerajaan sepertimana yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

## RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab dan menggulung.

*6.10 ptg.*

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama-tama saya mengucapkan terima kasih kepada ketujuh-tujuh Ahli Yang Berhormat yang telah begitu bersungguh-sungguh mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang bagi meminda Kanun Tanah Negara 1984. Tuan Yang di-Pertua, bagi menunaikan tanggungjawab dalam penggulangan ini, izinkan saya menyatakan bahawa keseluruhannya pada kesan-kesan pindaan ini telah pun dipersetujui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk dari Pembangkang bahawa tujuan ini telah pun terasas kepada tujuan-tujuan yang akan memberi faedah dan kebaikan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan bahawa saya amat menghargai teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, dari Kuala Kedah, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Ahli Yang Berhormat dari Baling, Ahli Yang Berhormat dari Jasin dan akhir sekali Yang Berhormat dari Kepong.

Menyentuh tentang teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kepong, saya sekali-kali tidak ada asas untuk memaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini berkaitan dengan orang asli. Jika beliau merupakan seorang yang menjuarakan kepentingan orang-orang asli, saya percaya forum yang perlu digunakan ialah menerusi

Kementerian-kementerian yang ada kaitan mengenai orang asli itu sendiri.

Kita ada mempunyai undang-undang, yakni undang-undang orang asli yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Dalam Negeri dan di bawah itu Menteri yang berkenaan, yakni Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri berhak dengan kerjasama Kerajaan Negeri menentukan kependudukan orang-orang asli itu sendiri. Di bawah pindaan Kanun Tanah Negara tidaklah ada pentingnya bagi kita menyatakan satu persatu atau secara terperinci apakah yang harus ditumpukan oleh Kerajaan berhubung dengan pemilikan mereka. Kependudukan orang-orang asli itu telah pun jelas dan menerusi pindaan ini, tidaklah dirasakan penting bagi Kerajaan untuk menyatakan ketentuan pemilikan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan syarikat-syarikat asing yang definisinya tidak begitu dimaklumi atau difahami secara jelas oleh Yang Berhormat dari Kepong, suka saya menarik kepada definisi yang diberi oleh Seksyen 4 (1) Akta Syarikat-syarikat 1965 atau bilangan 125. Apa yang didefinisikan di bawah Akta itu adalah jelas, yakni sama ada definisi yang pertama, yakni menyatakan sesuatu syarikat asing atau foreign company, dengan izin, adalah sebuah perbadanan yang termaktub di luar Malaysia atau dan ceraihan (*b*) ini adalah penting. Sebuah badan atau pertubuhan atau lain-lain badan yang di mana ianya dibolehkan menjalankan tindakan undang-undang ataupun boleh diambil tindakan undang-undang di atasnya berhubung dengan hal-hal yang diwujudkan badan itu dari apa yang telah diwujudkan menerusi pejabat atau tempat-tempat di luar Malaysia. Hal ini adalah jelas dan tidak perlu bagi saya untuk mengulas apakah maksud yang lebih daripada itu. Semasa dipinda undang-undang ini, yakni menentukan bagaimana definisi itu untuk diterjemah atau dimengertikan oleh satu-satu

pihak, ianya memang boleh dipertikaikan sekiranya seseorang itu mempunyai pemikiran yang kusut. Tetapi pada saya dan kepada para pengolah undang-undang ini, pemikiran kusut itu tidak ada di dalam pemikiran. Oleh yang sedemikian, Seksyen 41 Akta Syarikat-syarikat 1965 itu adalah tepat dan seperti yang didefinisikan di bawahnya kekeliruan tidak akan timbul menurut perhitungan Kementerian. Tuan Speaker.....

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat minta penjelasan atau membangkitkan tatatertib mesyuarat?

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Yang Berhormat boleh beri jalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, muka 47 itu dengan Bahagian baru 33, 433B, Subseksyen (*d*), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

“The Registrar may in respect of any land register, any person or body as “representative” or make a memorial in favour of any person or body as “representative” of such person or body is a non-citizen or a foreign company,”

Apakah maksud itu, saya tidak.....

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, maksud yang saya telah jelaskan tadi ialah bahawa pendaftar itu boleh mendaftarkan pihak-pihak yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu asalkan taraf dan juga penjenisannya sama ada merupakan warganegara asing ataupun syarikat asing seperti yang telah diputuskan atau ditentukan oleh pihak berkenaan di peringkat Kerajaan Negeri yang tertentu. Pada pandangan saya, tidaklah perlu bagi kita untuk mengadakan satu taklimat mengenai penjenisan definisi ini lantaran kita tidak mempunyai masa yang cukup, tetapi jika Ahli Yang Berhormat itu

memerlukan satu penjelasan yang lebih dalam, pihak saya bersedia untuk menyampaikan beberapa butiran yang ada kaitannya, bukan sahaja dengan Akta Syarikat-syarikat 1965 tetapi juga dengan pentakrifan bersabit dengan ceraihan (*b*) di bawah takrif foreign company seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan bahawa beliau berasa patut dipertimbangkan agar dimasukkan tanah yang takrifkan seperti Tanah-tanah Simpanan Melayu untuk diberi satu jaminan dan juga satu pengiktirafan yang lebih luas selain daripada yang telah ditentukan dalam pindaan ini. Suka saya menjelaskan bahawa Tanah-tanah Simpanan Melayu adalah tertakluk di bawah undang-undang berlainan iaitu Enakmen Tanah Rizab Melayu di negeri-negeri tertentu. Oleh yang demikian, cadangan untuk memasukkan Tanah-tanah Simpanan Melayu di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara ini tidaklah wajar pada pandangan Kementerian untuk dilakukan sedemikian. Saya adalah maklum tentang kecurigaan Ahli Yang Berhormat bersabit dengan sekatan kuasa yang diberi kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk melupus tanah secara perpetuity, dengan izin, atau selama-lamanya. Oleh kerana beberapa sekatan telah pun dinyatakan dan pengecualian-pengecualiannya juga dinyatakan maka saya merasakan apa yang telah dicurigai oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat diatasi, oleh kerana kedudukan Tanah-tanah Rizab Melayu itu ada kuasa-kuasa tertentu di bawahnya untuk pengluasan ataupun untuk penghadan yang tertentu dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat telah juga menyatakan bahawa masih terdapat beberapa pemerosesan tanah yang tidak segera dan beliau meminta agar satu arahan pentadbiran sekurang-kurangnya dapat dikeluarkan. Secucuk

benar dengan keadaan sedia ada, iaitu arahan ini telah pun dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat menerusi Pengerusi Majlis Tanah Negara, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan arahan ini telah pun di terima baik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan pada masa ini tindakan-tindakan secara departmental, dengan izin, sedang berjalan.

Yang Berhormat dari Kuala Kedah menyatakan bahawa masalah tiadanya peraturan bagi Kerajaan negeri mengambil balik tanah Persekutuan apabila tidak diperlukan lagi merupakan satu tanda tanya kepada beliau. Suka saya menyatakan bahawa masalah mengambil balik tanah Persekutuan oleh Kerajaan Negeri begitu ketara kerana adalah diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan tidak lagi memerlukan tanah yang dipegang olehnya, maka ianya dibenarkan memulangkan atau melepas kepada Kerajaan Negeri dengan syarat-syarat tertentu. Maka Fasal 84 Perlembagaan Persekutuan adalah dirujuk bagi menjelaskan lagi perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah juga mencadangkan supaya tuanpunya bersama boleh membayar cukai bagi syernya sahaja. Ini jelas sekali tidak dapat kita lakukan oleh unit tanah itu adalah secara keseluruhan dan asas kepada istilah co-proprietorship adalah terlandas kepada satu unit tanah. Oleh yang sedemikian, tidak dapat ditentukan di atas tanah syer seseorang pemilik bersama tadi dan dengan itu pembayaran cukainya hendaklah secara composite atau sama sekali gus.

Mengenai baki tanah yang tidak ekonomik, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah juga menyatakan merupakan satu masalah yang harus diatasi oleh Kerajaan dan menerusi pindaan ini. Dalam sesuatu

pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah, jika baki tanah yang tidak diambil sangat kecil dan tidak ekonomik kepada tuanpunya tanah, ada peruntukan di bawah Akta tersebut yang membenarkan tanah baki itu diambil oleh Kerajaan dengan bayaran yang setimpal.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyentuh Fasal 117 dalam pindaan Kanun Tanah Negara ini. Suka saya menerangkan bahawa peruntukan-peruntukan yang dicadangkan tidaklah begitu ketat sehinggakan akan menjejaskan pelaburan asing. Yang diquerikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pun sedemikian. Beberapa pelepasan atau syarat-syarat yang merupakan pengecualian di bawah Fasal 117 kini sudah dapat menyakinkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan tidak sekali-sekali membuta tuli mengadakan pindaan-pindaan ini. Malah kategori tanah yang dinamakan industri langsung tidak ada sekatan kepada pemilikinya. Walaupun diadakan sekatan kepada tanah-tanah yang dikategorikan sebagai kediaman dan juga perdagangan, namun jika tujuan pemaju-pemaju dan peniaga-peniaga sebenarnya tulin boleh meminta kepada Kerajaan Negeri pelepasan-pelepasan di atas penyertaan pihak-pihak asing, warganegara asing atau syarikat-syarikat asing. Ini adalah sejajar dengan apa yang telah saya huraikan di dalam ucapan saya sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, tinggal lagi jika ada apa-apa kesangsian berkaitan dengan kepentingan-kepentingan mereka yang merupakan warganegara asing dan syarikat-syarikat asing tentulah kepentingan warganegara dan syarikat-syarikat Malaysia diutamakan terlebih dahulu. Ini saya jangka Yang Berhormat sedia maklumi sebagai seorang warganegara Malaysia, dengan izin, bolehlah saya menyatakan bahawa charity begins at home, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat itu juga, Tuan Yang di-Pertua, ingin mengetahui pendirian Kerajaan dan beliau lantas memohon agar warganegara asing dibenarkan memiliki bangunan-bangunan bertingkat untuk kediaman mereka serta perniagaan. Di bawah pengecualian yang disyorkan di bawah Fasal 117 itu Ahli Yang Berhormat bolehlah meneliti dan menentukan bahawa ini adalah sesungguhnya boleh dilakukan. Malah pengecualian-pengecualian ini Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri akan menjalankan dengan perundingan yang sebaik-baiknya dari segi menjayakan program ekonomi negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong juga menzahirkan bahawa beliau sangsi terhadap pindaan 117 atau Fasal 117 di bawah pindaan ini. Suka saya menyatakan bahawa keadaan di Pulau Pinang itu adalah sesuatu yang beliau duga belum lagi berlaku dan pada hemat Kementerian dan Kerajaan apa yang sedang berlaku di Pulau Pinang itu telah pun melibatkan beberapa kepentingan warganegara asing dan juga kepentingan syarikat-syarikat asing setakat ini. Belum ada lagi dilakukan satu kajian untuk menentukan bahawa di Pulau Pinang terdapat berbagai-bagai condominium ataupun struktur-struktur strata ataupun tanah-tanah yang sebelum ini dimiliki oleh pihak-pihak asing atau warganegara asing. Dengan itu pindaan yang terkandung dalam Fasal 117 ini tidak akan mengurangkan harga tanah kerana warganegara asing masih boleh memiliki tanah di bawah kategori kediaman dan perniagaan apabila mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa negeri. Sekatan yang dicadangkan bukannya merupakan sekatan langsung (total restriction) Pihak Berkuasa Negeri akan memberi kebenaran berdasarkan kepada merit setiap kes yang dikemukakan oleh pihak-pihak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong juga

menyatakan bahawa terdapat lebih 300,000 warganegara asing yang mempunyai kad pengenalan merah dan meminta Kerajaan menimbangkan dengan jujur di atas hal masalah dan hal ehwal mereka bersabit dengan pemilikan tanah atau pemilikan kediaman. Sekiranya pemegang kad pengenalan merah layak menjadi warganegara di bawah Perlembagaan, saya percaya masalah-masalah mereka itu sekali gus akan dapat kita atasi. Walau bagaimanapun, saya berbalik kepada kuasa pengecualian yang dilayani oleh Kerajaan Negeri dari masa ke semasa di atas pindaan ini dan saya yakin bahawa ianya tidak akan mendera ataupun menyulitkan mereka yang berkategori sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Seksyen 76 KTN yang melarang pemilikan freehold title ataupun dengan perpetuity, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan ini geran mati. Saya sudah puas mencari dalam KTN definasi geran mati tidak dapat, barangkali yang beliau maksudkan ialah tanah freehold atau tanah yang merupakan perpetuity. Tujuan Kerajaan meminda seksyen ini ialah atas kesedaran bahawa tanah itu kian lama kian berkurangan dan tidak semua negeri akan boleh melupuskan tanah dari semasa ke semasa dengan sewenang-wenangnya lagi. Oleh itu, kita perlu berdikit-dikit dan tanah yang telah dilupus (alienated) kepada rakyat ataupun kepada bukan warganegara, perlulah diimbangkan semula kegunaan penjenisan dan juga pembangunannya. Dari segi itu telahpun dapat kita hayati satu hakikat bahawa Kerajaan demi kepentingan jenerasi akan datang harus menentukan sekatan tempoh masa itu dan 99 tahun atau 66 tahun atau 33 tahun itu adalah kategori-kategori tempoh yang harus diberi pertimbangan oleh Kerajaan Negeri demi kepentingan kita bersama selaku warganegara Malaysia dan selaku orang-orang yang memimpin yang harus

bertanggungjawab bagi jenerasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, misalnya, dari Jasin yang mengesyorkan supaya kita mengadakan satu perbadanan tanah ekonomi bumiputera, mengadakan satu perbadanan khas yang nanti pula akan dapat berfungsi sebagai holding unit kepada tanah-tanah orang-orang melayu atau bumiputera khususnya untuk dimaju dan dilaburkan nilai tanah tersebut.

Saya sangat mengalu-alukan syor beliau ini malah adalah dalam perbincangan Majlis Tanah Negara tempoh hari untuk mencari jalan bagaimana nilai tanah pegangan Bumiputera itu harus digembelangkan menerusi holding corporation atau pegangan-pegangan menerusi perbadanan di peringkat negeri dan di peringkat persekutuan. Saya percaya ilham ini adalah timbul daripada pengalaman beliau sebagai seorang entrepreneur dalam bidang-bidang yang telah beliau terokai. Insya Allah, syor ini akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat dari Baling di samping memberi penghargaan kepada pindaan-pindaan berkenaan meminta supaya masa yang dilibatkan bagi mengeluarkan sesuatu geran itu dipendekkan. Pandangan ini adalah sesuai dengan arahan pentadbiran yang telah dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis Tanah Negara baru-baru ini. Kesan kepada arahan ini akan kita tinjau dan laporkan semoga ianya membantu kes-kes seperti Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang harus saya nyatakan di sini ialah berkait dengan kepentingan dari segi Undang-undang Syariah atau Faraid yang beliau kaitkan menerusi

kesangsian di atas sekatan 2/5 hektar tanah pertanian yang harus tidak dibenarkan untuk dipindah milik ataupun dipecahkan dari segi sebenar. Adalah dinyatakan bahawa sekiranya seseorang itu terpaksa melandas tuntutan itu di bawah tuntutan Faraid maka biasanya mahkamah yang berkenaan adalah memberi keputusan yang sewajarnya atas sesuatu tuntutan dan perlu dinyatakan perkataan "transmission" bukanlah satu transaction yang dimasukkan di bawah ini. Oleh itu jika timbul satu tuntutan di mana sistem Faraid itu harus digunakan ianya adalah semata-mata tuntutan daripada sistem warisan dan bukan merupakan sesuatu pindah milik (transaction) yang diperlukan untuk kita menimbang dalam memberi penjelasannya.

Akhir sekali berkaitan dengan pandangan Yang Berhormat dari Ulu Muda, saya suka menjelaskan bahawa Kementerian ini akan menerbitkan beberapa buku kecil lagi berkaitan dengan masalah-masalah tanah dan juga pentadbiran serta bank data tanah untuk makluman Kerajaan-kerajaan Negeri serta jabatan-jabatan. Semoga dengan penerbitan-penerbitan ini maka akan dapat disalurkan penjelasan-penjelasan yang sesuai dan berfaedah kepada masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 99* diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 100—*

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Pengerusi, saya mohon dengan hormatnya mengemukakan sedikit pindaan yakni Fasal 100 berbunyi seperti berikut:

Gantikan dengan berikut:

- (i) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "State Authority" dalam perenggan (b) subseksyen (3), perkataan-perkataan " , or, in the case of an undivided share in land, will become vested in the State Authority"; dan
- (ii) dengan memotong noktah yang terdapat di hujung subseksyen (6) dan dengan menambah perkataan-perkataan "Part Eight", perkataan-perkataan " , or become vested in the State Authority, as the case may be."

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah pindaan kepada Fasal 100 dengan menggantikan dengan perkataan-perkataan berikut:

- (i) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "State Authority" dalam perenggan (b) subseksyen (3), perkataan-perkataan " , or, in the case of an undivided share in land, will become vested in the State Authority"; dan

- (ii) dengan memotong noktah yang terdapat di hujung subseksyen (6) dan dengan menambah selepas sahaja perkataan-perkataan "Part Eight", perkataan-perkataan " , or become vested in the State Authority, as the case may be."

Sekarang terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 100* seperti yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 101 hingga 118* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 119*—

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Pengerusi, saya mohon dengan hormatnya mengemukakan pindaan kepada Fasal 119, dengan izin, seperti berikut:

Potong perkataan-perkataan "to be committed" selepas perkataan "continues" dalam perenggan 3 Borang 6.

Delete the word "to be committed" after the word "continued" in paragraph 3 of Form 6.

Pindaan ini adalah merupakan satu pindaan yang berasas kepada keperluan untuk menjelaskan lagi maksudnya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Fasal 119 (xxi) dipinda dengan memotongkan perkataan-perkataan "to be committed" selepas perkataan "continues" dalam perenggan 3, Borang 6 sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan pindaan ini untuk dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 119* seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian Rang Undang-undang.

*Fasal 120 hingga 124* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PELESENAN TENAGA ATOM 1984

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.40 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahak bagi saya memberi penerangan ringkas atas sebab-sebab kenapa Malaysia perlu mempunyai Akta Pelesenan Tenaga Atom yang tunggal.

Tarikh tepat bagi pengenalan dan penggunaan Isotop dan sinaran di Malaysia tidak dapat dipastikan. Walau bagaimanapun, era 1960an bolehlah dianggap sebagai dekad mulanya penggunaan isotop dan sinaran dalam perubatan, industri dan penyelidikan di negara ini. Penggunaan sinaran dalam bidang perubatan bermula lebih awal lagi dengan adanya penggunaan sinaran "X" di hospital-hospital Kerajaan dan klinik-klinik swasta. Sejak itu penggunaan isotop dan sinaran makin meningkat, menyebabkan pihak Kerajaan meluluskan Akta Benda-benda Radioaktif 1968. Walau bagaimanapun, dengan tertubuhnya Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) dalam tahun 1972

penggunaan isotop dan sinaran dalam semua bidang meningkat dengan lebih pesat lagi. Apatah lagi apabila Malaysia menjadi ahli International Atomic Energy Agency (IAEA). Melaluinya penyelidikan dalam bidang nuklear berkembang di negara ini.

Buat masa ini lebih kurang 40 buah syarikat di negara ini sedang menggunakan isotop dan sinaran dalam berbagai bidang seperti bidang-bidang kejuruteraan, pembinaan kapal, baikpuluh kapal terbang, perlombongan dan perkilangan khususnya bagi penentuan mutu kimpalan (welding), ujian kebocoran, penentuan paras cecair, radiografi dan cuci hama (sterilization).

Penggunaan isotop dan sinaran yang meluas juga terdapat dalam bidang-bidang penyelidikan dan perubatan. Kebanyakan pusat penyelidikan termasuk penyelidikan di Pusat-pusat Pengajian Tinggi, menggunakan isotop dan sinaran. Isotop-isotop ini merupakan alat-alat pengesan dan kadangkala sebagai ejen pemulihan. Setakat ini lebih dari 42 jenis isotop dan sinaran digunakan oleh sejumlah 13 institusi penyelidikan di Malaysia. Sementara itu lebih dari 14 jenis isotop dan sinaran juga digunakan dalam bidang perubatan dan kesihatan.

Kerajaan menganggarkan bahawa penggunaan tenaga atom akan terus berkembang di negara ini. Ini bermakna bahawa sudah tentu meningkat dan akan lebih meluas lagi penggunaannya dengan penubuhan Unit Tenaga Nuklear di Jabatan Perdana Menteri. Berdasarkan ini maka Kerajaan berpendapat bahawa perkembangan ini perlulah disusul pula dengan keperluan perundangan yang lengkap agar penggunaan tenaga atom akan mengikut lunas-lunas tertentu dari segi keselamatan dan kemanfaatan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diperolehi melalui Akta Benda-benda Radioaktif 1968 adalah tidak menyeluruh dan tidak lagi dapat memenuhi keperluan semasa. Akta ini hanya boleh digunakan bagi mengawal aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak swasta sahaja. Walau bagaimanapun, peruntukan adalah terbatas kepada pengawalan penggunaan bahan radioaktif, alat-alat sinaran mengion dan sisa-sisa bahan radioaktif sahaja. Bagi mengatasi kurang menyeluruhnya kuasa di bawah Akta tersebut maka Kerajaan telah membuat kajian dari segi keperluan perundangan. Kajian ini menghasilkan cadangan Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom 1984, yang sekarang ini dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah hasil kajian menyeluruh dan kemaskini dan ianya diharap akan terus memenuhi keperluan negara buat beberapa tahun yang akan datang. Semua aspek pengawalan penggunaan tenaga atom telah diambilkira dalam merangka Rang Undang-undang ini.

Dalam merangkakan Rang Undang-undang ini, pandangan serta pendapat-pendapat semua pihak yang berkepentingan telah pun diambil kira. Beberapa masalah awal telah pun timbul semasa merangkanya dan di antara yang paling penting dan nyata ialah mengenai:

- (i) Pertelingkahan kuasa di antara Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab menguatkuasa Akta Bahan-bahan Radioaktif 1968 dan agensi yang akan menguatkuasakan Rang Undang-undang ini;
- (ii) Pengiktirafan ungkapan "nuclear damage" dan;
- (iii) Penggunaan perkataan "Atomic".

Masalah pertelingkahan kuasa dapat diselesaikan dengan terpindahkannya badan penguatkuasa Rang Undang-undang ini dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ke Jabatan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang ini mempunyai peruntukan bagi membolehkan Kementerian Kesihatan menjalankan tugas-tugas kawalan penggunaan tenaga atom bagi aktiviti-aktiviti untuk maksud perubatan. Ini boleh dilakukan mengikut peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang membolehkan badan penguatkuasa memberi lesen am kepada Ketua Pengarah Kesihatan. Sungguhpun Ketua Pengarah Kesihatan diberi lesen am beliau tidak boleh bertindak secara bebas kerana badan penguatkuasa Rang Undang-undang inilah yang mempunyai kuasa mutlak. Ini sangat perlu bagi memelihara keseragaman peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Takrifan "nuclear damage" menjadi masalah apabila ianya tidak merangkumi berlakunya pemusnahan ke atas alam sekitar, binatang liar, ikan, tumbuhan dan benda-benda lain iaitu yang tidak ada pemilikinya. Masalah ini diselesaikan dengan memperluaskan takrifan "nuclear damage" bagi merangkumi alam sekitar dan lain-lain yang tidak ada pemilikinya.

Penggunaan perkataan "Atomic" pula diterima oleh kerana ianya digunakan bagi merangkumi segala fenomenum atom. Perkataan "Atomic" juga merangkumi segala fenomenum nuklear.

Tenaga atom ialah tenaga yang dikeluarkan oleh satu-satu atom dan boleh dibahagikan kepada dua bentuk tenaga berdasarkan kepada puncanya. Kalau ianya dikeluarkan oleh "nuklear atom" ianya dikenali sebagai tenaga nuklear dan kalau dikeluarkan oleh selain daripada nucleus, ia dikenali sebagai tenaga electron (electronic

energy). Sebenarnya perkataan "Atomic" telah pun diterima oleh masyarakat antarabangsa.

Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom 1984 telah diperakui setelah semua masalah tersebut iaitu masalah yang telah saya huraikan tadi telah dapat diselesaikan dan keputusannya diserap ke dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya silakan. Tidak ada siapa pun yang hendak bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 71* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menangguhkan mesyuarat, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah bekerjasama dengan saya dalam tugas saya menguruskan Persidangan Dewan ini dan berjalan dengan teratur, dan pada hari ini tidak sampai pada pukul 12.00 malam.

Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menolong menanam pokok-pokok di kawasan Parlimen pada pagi kelmarin, petang kelmarin dan petang ini, juga dengan kuasa Tuhan yang maha esa hujan turun dengan lebat dan menyegarkan pokok-pokok yang kita tanam itu. Kita berharap pokok-pokok itu termasuk pokok-pokok bunga cempaka akan hidup subur dan akan menjadi kenangan dan tanda kepada kita dan anak cucu kita yang akan datang.

Adalah dicadangkan pada masa Persidangan-persidangan Dewan Rakyat yang akan datang, kita akan

mengadakan aktiviti-aktiviti pada sebelah paginya untuk menghiburkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang kesepian di Kuala Lumpur (*Ketawa*). Permainan seperti cator, tennis, squash, badminton, pingpong dan juga congkak sedang difikirkan, juga kita akan menimbangankan mengadakan mini-walk. Sebelum kita adakan mini walk itu hendaklah yang mengambil bahagian itu ada Certificate of Fitness, jangan jadi macam kelmarin, kita harap rancangan ini akan mendapat sambutan.

Saya juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat dari Arau dan Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah menolong saya untuk mempengerusikan mesyuarat ini (*Tepuk*). Mereka telah menjalankan kerja itu dengan berkebolehan dan dengan segala suka hati. Dewan ini bukan setakat saya sahaja terhutang budi kepada mereka berdua.

Akhirnya, saya mengucapkan selamat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selamat pulang berjumpa dengan yang dikasihi-yang dikasihi sekalian dan dipanjangkan umur oleh Tuhan dan kita akan bertemu pula dalam bulan Julai ini.

Persidangan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.54 petang.*